

UNDANG-UNDANG KRIKET

KATA PENGANTAR

Permainan Kriket dikawal oleh siri undang-undang selama lebih dari 250 tahun. Undang-Undang ini tertakluk kepada penambahan-penambahan dan perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh pihak berkuasa yang mengawal ketika itu. Sejak penubuhannya pada tahun 1787, Marylebone Cricket Club (MCC) telah dikenal sebagai satu-satunya pihak berkuasa yang membuat undang-undang tersebut dan semua pindaan berikutnya. Kelab ini juga memegang hak cipta sedunia.

Dasar Undang-Undang Kriket telah bertahan dengan menakjubkan sekali dalam ujian permainan yang telah berlangsung selama lebih dari 250 tahun. Penyebab sebenarnya ialah kerana para pemain kriket secara tradisional telah bersedia untuk bermain dengan Semangat Permainan serta mengikut Undang-Undang.

Pada tahun 2000, MCC telah menyemak dan menulis semula Undang-Undang tersebut untuk era Milenium baru. Dalam Buku Undang-Undang ini, perubahan utama ialah Semangat kriket sebagai Mukadimah Undang-Undang. Dulu, Semangat Permainan yang tersirat dianggap telah dimaklumi dan diterima oleh semua yang terlibat, kini MCC merasa ini adalah saat yang sesuai untuk dibukukan sebagai panduan yang jelas, yang akan membantu mengekalkan keunikian dan keseronokan permainan tersebut. Tujuan yang lainnya adalah untuk tidak menggunakan Nota lagi, menggabungkan semua perkara ke dalam Undang-Undang dan jika perlu, menyingkirkan sebarang keraguan supaya ketua pasukan, pemain dan pengadil akan terus menikmati permainan ditahap apapun mereka bermain. MCC telah berunding secara meluas dengan semua Negara Ahli Penuh Majlis Kriket Antarabangsa, iaitu Badan yang mengawal permainan. Perundingan secara tertutup juga diadakan dengan Persatuan Pengadil dan Pencatat Skor Kriket. MCC juga menjemput pengadil dan pemain dari seluruh dunia.

Tarikh penting dalam sejarah Undang-Undang adalah seperti berikut:

- 1700 Kriket telah dikenal seawal tarikh ini.
- 1744 Undang-Undang yang pertama kali dikenal dibuat oleh “Noblemen dan Gentlemen” tertentu yang menggunakan Artillery Ground di London.
- 1755 Undang-Undang tersebut telah disemak semula oleh “Beberapa Kelab Kriket, khususnya Star dan Garter di Pall Mall”.
- 1774 Semakan selanjutnya telah dihasilkan oleh “sebuah Komiti Noblemen dan Gentlemen dari Kent, Hampshire, Surrey, Sussex, Midlesex dan London di Star dan Garter”.
- 1786 Semakan lebih lanjut telah dijalankan oleh badan Noblemen dan Gentlemen dari Kent, Hampshire, Surrey, Sussex, Midlesex dan London.
- 1788 Undang-Undang MCC yang pertama telah digunakan pada tanggal 30 Mei.
- 1835 Sebuah Undang-Undang yang baru telah diluluskan oleh Komiti MCC pada 19 Mei.

- 1884 Selepas berunding dengan kelab kriket di seluruh dunia, perubahan penting telah dimasukkan dalam versi baru yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Khas MCC pada 21 April.
- 1947 Sebuah Undang-Undang baru telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Khas MCC pada 7 Mei. Perubahan utama adalah bertujuan untuk mencapai kejelasan klarifikasi dan penyusunan Undang-Undang serta interpretasi yang lebih baik. Bagaimanapun, ini tidak termasuk perubahan tertentu yang dirancang untuk memberikan kebebasan yang lebih besar dalam mengendalikan permainan seperti yang dikehendaki oleh keadaan perbezaan yang meluas ketika permainan Kriket tersebut dimainkan.
- 1979 Selepas lima edisi Undang-Undang 1947, semakan selanjutnya telah dimulakan pada tahun 1974 dengan tujuan untuk menyingkirkan kejanggalan tertentu, menggabungkan pelbagai Pindaan dan Nota tertentu, serta untuk mencapai kejelasan yang lebih baik dan lebih mudah. Undang-Undang yang baru telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Khas MCC pada 21 November.
- 1992 Edisi kedua Undang-Undang 1980 telah dikeluarkan, yang menggabungkan semua pindaan yang telah diluluskan sepanjang dua belas tahun.

Banyak pertanyaan mengenai Undang-Undang tersebut yang sama kaitannya dengan pemain kriket wanita dan pemain lelaki yang dihantar ke MCC setiap tahun untuk diputuskan. MCC yang diterima sebagai Penjaga Undang-Undang tersebut, yang hanya dapat ditukar dengan undian dua per tiga dari Ahli yang mengundi di Mesyuarat Agung Khas Kelab tersebut, sentiasa bersedia untuk menjawab pertanyaan serta memberikan interpretasi pada keadaan tertentu yang mudah difahami.

- (a) Dalam hal liga atau perlawanannya Kriket, pertanyaan hendaklah datang dari pihak komiti yang bertanggungjawab menganjurkan liga atau perlawanannya. Dalam hal lain, pertanyaan hendaklah dimulakan oleh pegawai perwakilan dari kelab atau dari persatuan pengadil bagi pihak wakil komiti mereka, atau Pengetua Sekolah Kriket Lelaki ataupun Perempuan.
- (b) Insiden yang memerlukan peraturan mestilah bukannya direka semata-mata untuk pertikaian akan tetapi mestilah sebenarnya berlaku semasa permainan.
- (c) Pertanyaan tersebut hendaklah tidak dikaitkan dengan sebarang cara taruhan atau bertaruhan.

Lord's Cricket Ground

R D V KNIGHT

London NW8 8QN

Setiausaha & Ketua Eksekutif MCC

8 Mei 2003

Kandungan	Muka Surat
Mukadimah – Semangat Sukan Kriket	
Undang-Undang 1 – Pemain	
Undang-Undang 2 - Pengganti dan Pelari; Pemukul atau Pemadang	
meninggalkan padang; Pemukul berundur; Pemukul	
memulakan ining	
Undang-Undang 3 - Pengadil	
Undang-Undang 4 - Pencatat	
Undang-Undang 5 - Bola	
Undang-Undang 6 – Kayu pukul	
Undang-Undang 7 – Lapangan tengah	
Undang-Undang 8 – Wiket	
Undang-Undang 9 – Garis baling, pukul dan had	
Undang-Undang 10 - Penyediaan & pemeliharaan gelanggang permainan	
Undang-Undang 11 - Menutup lapangan tengah	
Undang-Undang 12 – Ining	
Undang-Undang 13 – Penyusulan	
Undang-Undang 14 – Pengisytiharan dan kehilangan hak	
Undang-Undang 15 - Waktu rehat	
Undang-Undang 16 - Memulakan permainan; menghentikan permainan	
Undang-Undang 17 - latihan di padang	
Undang-Undang 18 - Larian	
Undang-Undang 19 - Sempadan	
Undang-Undang 20 - Kehilangan bola	
Undang-Undang 21 - Keputusan	
Undang-Undang 22 - Over	
Undang-Undang 23 – Bola mati	
Undang-Undang 24 – Balingan batal	

Undang-Undang 25 - Bola Lampau Jarak
Undang-Undang 26 – Larian dan larian sentuhan percuma
Undang-Undang 27 - Rayuan
Undang-Undang 28 – Wiket jatuh
Undang-Undang 29 - Pemukul berada di luar kawasannya
Undang-Undang 30 – Mati baling
Undang-Undang 31 – Mati lampau masa
Undang-Undang 32 – Mati tangkap
Undang-Undang 33 – Mati pegang bola
Undang-Undang 34 – Mati pukul berkali
Undang-Undang 35 – Mati kena wiket
Undang-Undang 36 - Mati halang kaki
Undang-Undang 37 – Mati halang
Undang-Undang 38 – Mati lari
Undang-Undang 39 – Kayu pancang
Undang-Undang 40 - Penjaga wiket
Undang-Undang 41 - Pemadang
Undang-Undang 42 - Permainan wajar dan tidak wajar

UNDANG-UNDANG KRIKET

MUKADIMAH - SEMANGKAT SUKAN KRIKET

Kriket adalah permainan yang memperlihatkan begitu banyak daya tarikan yang unik kerana ia dimainkan bukan hanya dalam batas Undang-Undangnya akan tetapi juga semangat permainan tersebut. Sebarang tindakan yang kelihatan menyalahgunakan semangat ini akan merosakkan permainan tersebut. Tanggungjawab utama untuk memastikan semangat kesukuanan permainan yang wajar terletak pada ketua pasukan.

1. Ada dua Undang-Undang yang meletakkan tanggungjawab bagi tingkah laku pasukan ke atas ketua pasukan.

Tanggung jawab ketua pasukan

Ketua pasukan sentiasa bertanggungjawab untuk memastikan permainan dijalankan berdasarkan semangat permainan dan juga dalam batas Undang-Undang.

Tingkah laku pemain

Sekiranya pemain tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh pengadil atau mengkritik dengan kata-kata atau tindakan terhadap keputusan pengadil ataupun menunjukkan bantahan, atau secara umumnya berkelakuan dengan cara yang boleh membawa nama buruk pada permainan, maka pengadil berkenaan hendaklah melaporkannya kepada pengadil yang lain dan kepada ketua pasukan pemain berkenaan serta menganjurkannya untuk mengambil tindakan.

2. **Permainan yang wajar dan tidak wajar**

Berdasarkan kepada Undang-Undang, pengadil merupakan hakim tunggal yang menentukan permainan yang wajar ataupun tidak wajar.

Pengadil boleh campur tangan pada bila-bila masa dan adalah menjadi tanggungjawab ketua pasukan untuk mengambil tindakan bila diperlukan.

3. **Pengadil diberi kuasa untuk campur tangan dalam hal seperti:**

- Membuang masa
- Merosakkan lapangan tengah
- Balingan yang merbahaya atau tidak wajar.
- Membuat perubahan pada bola
- Sebarang tindakan lain yang boleh dianggap tidak wajar

4. **Semangat Permainan melibatkan HORMAT kepada :**

- Pihak lawan awda
- Ketua Pasukan dan Pasukan awda
- Peranan pengadil
- Nilai tradisi permainan

5. **Adalah bertentangan dengan Semangat Permainan:**

- Mempertikaikan keputusan pengadil dengan kata-kata, tindakan atau gerak isyarat
- Menggunakan bahasa yang kesat terhadap lawan atau pengadil
- Melakukan penipuan atau sebarang perbuatan licik, misalnya :

- (a) Membuat rayuan sedangkan sudah mengetahui yang pemukul tidak keluar
- (b) Mara ke arah pengadil dalam keadaan agresif ketika membuat rayuan
- (c) Berusaha untuk mengganggu pihak lawan sama ada secara lisan atau kekerasan dengan berterusan bersorak atau membuat bising, berpura-pura seperti meminati dan menyokong pasukan sendiri.

6. Kekerasan

Tidak ada tempat bagi sebarang tindakan kekerasan di padang permainan.

7. Pemain

Ketua pasukan dan pengadil bersama-sama membentuk corak permainan kriket. Setiap pemain diharapkan akan memberikan sumbangan penting ke arah ini.

Pemain, pengadil dan pencatat dalam permainan kriket sama ada lelaki atau perempuan, Undang-Undang akan dikenakan kepada keduanya dengan saksama. Kecuali sebaliknya dinyatakan secara khusus, setiap peruntukan Undang-Undang hendaklah dibaca seperti yang dikenakan kepada perempuan dewasa dan remaja sama dengan lelaki dewasa dan remaja

UDANG-UDANG 1 PEMAIN

1. Jumlah pemain

Perlawanan adalah di antara dua pasukan, setiap pasukan terdiri dari sebelas pemain, dan salah seorang dari mereka adalah Ketua Pasukan.

Dengan persetujuan, perlawanan antara pasukan boleh dimainkan dengan lebih ataupun kurang dari sebelas pemain, tetapi tidak lebih dari sebelas pemain yang dibenarkan memasuki padang pada bila-bila masa.

2. Barisan pemain

Setiap Ketua Pasukan hendaklah membariskan pemainnya secara bertulis kepada salah seorang pengadil sebelum undian dilakukan. Tiada pemain yang dapat diganti selepas pembarisan tersebut tanpa persetujuan dari ketua pasukan lawan.

3. Ketua Pasukan

Jika pada bila-bila masa ketua pasukan tidak ada, penolong ketua pasukan akan bertindak selakunya.

(a) Jika ketua pasukan tidak ada semasa undian dilakukan, maka penolong ketua pasukan mestilah bertanggungjawab untuk membariskan pemain, jika ini belum dilakukan dan untuk pengundian. Sila lihat 2 di atas dan Undang-Undang 12.4 (Undian).

(b) Pada bila-bila masa selepas undian, penolong ketua pasukan mestilah salah seorang pemain yang diberikan.

4. Tanggungjawab ketua pasukan

Ketua pasukan sentiasa bertanggungjawab untuk memastikan bahawa permainan tersebut dikendalikan dengan semangat dan tradisi permainan serta dalam batas Undang-Undang. Lihat Mukadimah – Semangat Sukan Kriket dan Undang-Undang 42.1 (Permainan wajar dan tidak wajar – tanggungjawab ketua pasukan).

UDANG-UDANG 2 Pengganti dan Pelari; Pemukul atau Pemadang meninggalkan padang; Pemukul berundur; Pemukul memulakan ining

1. Pengganti dan pelari

(a) Jika pengadil yakin yang seorang pemain telah cedera atau sakit selepas pembarisan nama pemain, mereka boleh membenarkan pemain tersebut untuk mendapatkan

- (i) Penggantinya di padang
- (ii) Pelari semasa memukul

Sebarang kecederaan atau penyakit yang berlaku pada bila-bila masa selepas pembarisan pemain sehingga tamat permainan, hendaklah dibenarkan, tidak kira sama ada permainan masih berjalan atau tidak.

- (b) Pengadil hendaklah mempunyai budi bicara untuk semua alasan lain yang boleh diterima, membenarkan pengganti untuk pemandang, atau pelari untuk pemukul semasa pertandingan bermula atau pada bila-bila masa berikutnya.
- (c) Pemain yang ingin menukar baju, kasut dan sebagainya hendaklah meninggalkan padang untuk berbuat demikian. Tidak ada pengganti baginya.

2. Bantahan kepada pengganti

Ketua pasukan bagi pihak lawan tidak berhak membantah mana-mana pemain yang bertindak selaku pengganti di padang. Bagaimanapun, tidak ada pengganti bagi penjaga wicket. Lihat 3 di bawah.

3. Pembatasan pada peranan pengganti

Pengganti tidak dibenarkan memukul atau membaling serta tidak boleh bertindak selaku penjaga wicket atau ketua pasukan di padang semasa perlawanan.

4. Pemain yang digantikan

Pemain adalah dibenarkan untuk memukul, membaling atau memadang walaupun seorang pengganti telah pun bertindak bagi pihaknya sebelumnya.

5. Pemandang tidak hadir atau meninggalkan padang

Jika pemandang gagal memasuki padang bersama pasukannya semasa perlawanan dimulakan atau pada bila-bila masa kemudiannya atau meninggalkan padang semasa perlawanan.

- (a) Hendaklah dimaklumkan kepada pengadil sebab ketidakhadirannya.
- (b) Dia tidak boleh masuk ke padang semasa sesi perlawanan berjalan tanpa mendapat keizinan dari pengadil. Lihat 6 di bawah. Pengadil akan memberikan keizinan sebaik saja dapat dilakukan.
- (c) Jika tidak hadir selama 15 minit atau lebih, dia tidak akan dibenarkan untuk membaling selepas itu, tertakluk pada (i), (ii) atau (iii) di bawah sehingga dia berada di padang sekurang-kurangnya selama masa dia tidak hadir di padang.
 - (i) Ketidakhadiran atau penalty bagi masa tidak hadir tersebut tidak boleh dibawa ke hadapan ke permainan pada hari yang baru.
 - (ii) Jika, dalam hal lanjutan atau kehilangan hak, pihak pemandang untuk dua ining berturutan, maka pembatasan ini hendaklah, tertakluk pada (i) di atas, diteruskan seperti yang diperlukan ke ining yang kedua akan tetapi sebaliknya hendaklah tidak dibawa ke hadapan ke ining yang baru.
 - (iii) Masa yang terbuang untuk rehat yang tidak dirancang dalam permainan hendaklah dikira sebagai masa yang tetap berjalan di padang bagi setiap pemandang yang memasuki padang semasa permainan dimulakan semula. Lihat Undang-Undang 15.1 (Waktu rehat).

6. Pemain kembali tanpa kebenaran

Jika pemain memasuki padang permainan dengan melanggar Undang-Undang 5(b) di atas dan melakukan sentuhan dengan bola semasa dalam permainan

- (i) Bola segera akan menjadi mati dan pengadil akan memberikan 5 larian penalti ke pihak pemukul. Lihat Undang-Undang 42.17 (Larian penalti).

- (ii) Pengadil hendaklah memaklumkan kepada pengadil yang lain, ketua pasukan pihak pemadang, pemukul dan sebaik saja dapat dilakukan, kepada ketua pasukan pihak pemukul mengenai alasan tindakan ini.
- (iii) Pengadil sama-sama akan melaporkan kejadian tersebut dengan segera kepada Eksekutif pihak pemadang dan mana-mana Badan yang mengawal yang bertanggungjawab bagi pertandingan tersebut, yang akan mengambil tindakan yang dianggap bersesuaian terhadap ketua pasukan dan pemain berkenaan.

7. Pelari

Pemain yang bertindak selaku pelari bagi pemukul hendaklah terdiri dari ahli pihak pemukul dan hendaklah, jika boleh, telah memukul dalam ining tersebut. Pelari tersebut hendaklah memakai peralatan pelindung luar yang sebanding dengan pelindung yang dipakai oleh pemukul yang digantinya untuk berlari dan hendaklah membawa kayu pukul.

8. Pelanggaran Undang-Undang oleh pemukul yang mempunyai pelari

- (a) Pelari bagi pihak pemukul adalah tertakluk pada Undang-Undang. Dia dianggap sebagai pemukul kecuali terdapat peruntukan khusus untuk peranannya sebagai pelari. Lihat 7 di atas dan Undang-Undang 29.2 (Kawasan pemukul).
- (b) Pemukul dengan pelari akan menanggung penalti pada setiap pelanggaran Undang-Undang yang dilakukan oleh pelarinya seolah-olah dia sendiri yang bertanggungjawab bagi pelanggaran tersebut. Terutamanya, dia akan dikeluarkan jika pelarinya keluar di bawah Undang-Undang 33 (Memegang bola), 37 (Menghalang padang) atau 38 (Mati lari).
- (c) Apabila pemukul dengan pelari adalah penyerang, dia tetap dirinya tertakluk pada Undang-Undang dan akan bertanggungjawab terhadap penalti sebarang pelanggaran yang menuntut mereka.

Di samping itu jika dia keluar dari kawasannya bila wicket dijatuhkan di sudut penjaga wicket, maka dia akan keluar dalam keadaan Undang-Undang 38 (Mati Lari) atau Undang-Undang 39 (Kayu pancang) tidak kira posisi bukan penyerang atau pelari. Oleh yang demikian, jika dia dikeluarkan, larian yang diselesaikan oleh pelari dan pemukul yang lain sebelum dia dikeluarkan tidak akan dikira. Bagaimanapun, penalti bagi Balingan Batal atau Bola Lampau Jarak hendaklah tidak berubah, bersama dengan sebarang penalti kepada salah satu pihak yang mungkin dikenakan ketika bola sudah mati. Lihat Undang-Undang 42.17 (Larian penalti).

- (d) Apabila pemukul dengan pelari bukan sebagai penyerang
 - (i) dia tetap tertakluk pada Undang-Undang 33 (Memegang bola) dan 37 (Menghalang padang) tetapi adalah sebaliknya keluar dari permainan.
 - (ii) dia hendaklah berdiri seperti yang diarahkan oleh pengadil di bahagian penyerang supaya tidak menghalang permainan.
 - (iii) dia akan bertanggungjawab walauapa pun (i) di atas, terhadap penalti yang dituntut oleh Undang-Undang sekiranya dia melakukan sebarang tindakan yang tidak wajar.

9. Pemukul meninggalkan padang atau berundur

Pemukul boleh mengundurkan diri bila-bila masa semasa iningnya. Sebelum membenarkan permainan diteruskan pengadil hendaklah memaklumkan alasan pemukul mengundurkan diri.

- (a) Jika pemukul mengundurkan diri disebabkan sakit, cedera atau sebarang sebab lain yang tidak dapat dielakkan, dia berhak untuk memulakan semula iningnya tertakluk pada (c) di bawah. Jika atas alasan lain, iningnya dikira sebagai – ‘Berundur - tidak keluar’.
- (b) Jika pemukul mengundurkan diri atas sebarang alasan selain dari seperti dalam (a) di atas, dia hanya boleh memulakan semula iningnya dengan keizinan dari ketua pasukan lawan. Jika

- atas alasan lain dia tidak memulakan semula iningnya, maka ia direkodkan sebagai – ‘Berundur - tidak keluar’.
- (c) Jika selepas mengundurkan diri pemukul memulakan semula iningnya, ia hanya dapat dilakukan ketika jatuhnya wicket atau pengunduran diri pemukul yang lain.

10. Permulaan ining bagi pemukul

Kecuali pada permulaan permainan dari pihak yang mendapat ining, pemukul hendaklah dianggap telah memulakan iningnya ketika pertama kalinya dia melangkah masuk ke padang permainan, asalkan Masa belum di tamatkan. Ining bagi pemukul pembukaan, dan mana-mana pemukul baru semasa permainan dimulakan kembali selepas masa di tamatkan, hendaklah dimulakan semasa panggilan untuk bermain.

UDANG-UDANG 3 PENGADIL

1. Lantikan dan kehadiran .

Sebelum perlawanan, dua orang pengadil hendaklah dilantik, seorang bagi setiap sudut untuk mengawasi permainan seperti yang dikehendaki oleh Undang-Undang, dengan kesaksamaan mutlak. Pengadil hendaklah berada di padang dan melapor kepada Pegawai Eksekutif Padang sekurang-kurangnya 45 minit sebelum jadual permainan dimulakan pada setiap hari perlawanan.

2. Pertukaran pengadil

Pengadil tidak boleh ditukar semasa perlawanan, selain dari keadaan luar biasa, kecuali dia cedera atau sakit. Jika terdapat pertukaran pengadil, pengantinya hanya bertindak sebagai pengadil di sudut penyerang kecuali ketua pasukan bersetuju bahawa dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sebagai pengadil.

3. Persetujuan dengan ketua pasukan

1. Sebelum undian dilakukan pengadil hendaklah
 - (a) Menentukan masa permainan dan bersetuju dengan ketua pasukan
 - (i) bola yang akan digunakan semasa perlawanan. Lihat Undang-Undang 5 (Bola).
 - (ii) masa dan tempoh waktu rehat untuk makan dan masa waktu rehat untuk minum. Lihat Undang-Undang 15 (Waktu Rehat)
 - (iii) Sempadan padang permainan dan kawasan kelonggaran sempadan. Lihat Undang-Undang 19 (Sempadan).
 - (iv) Sebarang keadaan khusus permainan yang melibatkan perjalanan perlawanan.
 - (b) Memaklumkan pencatat mengenai persetujuan dalam (ii), (iii) dan (iv) di atas.

4. Memaklumkan ketua pasukan dan pencatat

Sebelum undian dilakukan, pengadil hendaklah sepakat sesama mereka dan memaklumkan kepada kedua-dua ketua pasukan dan kedua-dua pencatat.

- (i) Jam dan jam bantu yang akan digunakan semasa perlawanan.
- (ii) Sama ada terdapat atau tidak sebarang rintangan di padang permainan yang boleh dikira sebagai sempadan. Lihat Undang-Undang 19 (Sempadan)

5. Wiket, garisan dan sempadan

Sebelum undian dilakukan dan semasa perlawanan, pengadil hendaklah yakin bahawa

- (i) Wiket telah dipacak dengan betul. Lihat Undang-Undang 8 (Wiket)

- (ii) Garisan ditandakan dengan betul. Lihat Undang-Undang 9 (Garisan baling, pukul dan had).
- (iii) Sempadan padang permainan menepati dengan keperluan Undang-Undang 19.2 (Menentukan sempadan – Penandaan sempadan)

6. Pengendalian permainan, pelaksanaan dan kelengkapan

Sebelum undian dilakukan dan semasa perlawanan, pengadil hendaklah yakin bahawa

- (a) pengendalian permainan adalah tegas mengikut Undang-Undang.
- (b) pelaksanaan permainan adalah mematuhi keperluan Undang-Undang 5 (Bola) dan Undang-Undang 6 (Kayu pukul), serta kedua-dua Undang-Undang 8.2 (Ukuran kayu pancang) dan Undang-Undang 8.3 (Anak pancang) atau jika bersesuaian, Undang-Undang 8.4 (Kriket remaja)
- (c) (i) tidak ada pemain boleh menggunakan kelengkapan selain dari yang telah dibenarkan. Lihat lampiran D.
(ii) sarung tangan penjaga wicket hendaklah mengikut keperluan Undang-Undang 40.2 (Sarung tangan)

7. Permainan yang wajar dan tidak wajar

Pengadil merupakan hakim tunggal untuk menentukan permainan yang wajar ataupun tidak wajar.

8. Kesesuaian padang, cuaca dan lampu

Pengadil akan menjadi hakim muktamad untuk menentukan kesesuaian padang, cuaca dan lampu untuk permainan. Lihat 9 di bawah dan juga Undang-Undang 7.2 (Kesesuaian lapangan tengan untuk permainan).

9. Penangguhan permainan bagi keadaan padang, cuaca atau lampu yang buruk

- (a) (i) Semua rujukan mengenai padang termasuk lapangan tengah. Lihat Undang-Undang 7.1 (Kawasan lapangan tengah).
(ii) Untuk tujuan Undang-Undang ini dan Undang-Undang 15.9 (b) (ii) (Waktu rehat minum) sahaja, pemukul yang berada di bahagian wicket boleh menggantikan ketua pasukannya pada bila-bila masa yang bersesuaian.
- (b) Sekiranya pada bila-bila masa pengadil sama-sama bersetuju bahwa keadaan padang, cuaca ataupun lampu tidak sesuai untuk permainan, maka mereka hendaklah memaklumkan kepada ketua pasukan dan, kecuali
 - (i) dalam keadaan padang atau cuaca yang tidak sesuai, kedua-dua ketua pasukan bersetuju untuk meneruskan, atau memulakan, atau memulakan kembali permainan,
 - atau (ii) dalam keadaan lampu yang tidak sesuai, pihak pemukul ingin meneruskan atau memulakan atau memulakan kembali permainan,
mereka hendaklah menangguhkan permainan, atau tidak membenarkan permainan dimulakan atau memulakan kembali.
- (c) (i) Setelah bersetuju untuk bermain dalam keadaan padang atau cuaca yang tidak sesuai, salah seorang dari ketua pasukan boleh membuat rayuan bantahan terhadap keadaan tersebut kepada pengadil sebelum panggilan waktu untuk bermain berikutnya. Pengadil hendaklah menyokong rayuan tersebut hanya jika, menurut pendapatnya, faktor yang diambil kira semasa mereka membuat keputusan sebelumnya adalah sama atau keadaan bertambah lebih buruk lagi.
(ii) Setelah memutuskan untuk bermain dalam keadaan lampu yang tidak sesuai, maka ketua pasukan dari pihak pemukul boleh membuat rayuan bantahan kepada pengadil terhadap lampu tersebut sebelum panggilan waktu untuk bermain berikutnya. Pengadil hendaklah menyokong rayuan tersebut hanya jika, menurut pendapatnya, faktor yang

- diambil kira semasa mereka membuat keputusan sebelumnya adalah sama atau keadaan lampu bertambah lebih buruk lagi.
- (d) Sekiranya pada bila-bila masa pengadil sama-sama bersetuju bahawa keadaan padang, cuaca atau lampu adalah buruk sehingga dengan jelas dapat dijangkakan risiko yang bakal menimpa keselamatan pemain dan pengadil, dan adalah tidak berpatutan atau merbahaya untuk permainan dijalankan, maka walauapa pun peruntukan pada (b) (i) dan (b) (ii) di atas, mereka hendaklah segera menangguhkan permainan atau tidak membenarkan permainan dimulakan atau dimulakan kembali. Keputusan sama ada keadaan adalah buruk untuk mewajarkan tindakan sedemikian adalah dibuat oleh pengadil itu sendiri.
Hakikat bahawa rumput dan bola adalah basah serta licin tidak mewajarkan keadaan padang dianggap sebagai tidak berpatutan atau merbahaya. Jika pengadil menganggap bahawa padang tersebut adalah basah atau licin yang boleh menghalang pembaling dari pijakan kaki yang wajar, pergerakan bebas pemandang atau pemukul yang tangkas untuk memainkan pukulannya atau untuk berlari di antara kayu pancang, maka keadaan seperti ini hendaklah dianggap sebagai sangat buruk sehingga tidak sesuai untuk meneruskan permainan.
- (e) Jika terdapat penangguhan permainan maka adalah menjadi tanggungjawab pengadil untuk memerhati keadaan tersebut. Mereka hendaklah melakukan pemeriksaan sekerap yang patut tanpa ditemani oleh mana-mana pemain atau pegawai. Dengan segera pengadil akan memanggil pemain untuk memulakan permainan sebaik saja mereka sama-sama bersetuju bahawa keadaan tersebut tidak menjaskan permainan.
- (f) Jika permainan sedang berjalan sehingga pada permulaan waktu rehat yang dipersetujui maka permainan hendaklah dimulakan kembali selepas waktu rehat kecuali pengadil sama-sama bersetuju bahawa keadaan adalah tidak sesuai atau merbahaya. Sekiranya mereka telah bersetuju demikian, maka mereka hendaklah melaksanakan prosedur (b) atau (d) di atas, sebagaimana bersesuaian, sama ada sebarang keputusan telahpun dibuat oleh ketua pasukan atau tidak, untuk meneruskan, atau sebarang rayuan bantahan terhadap keadaan tersebut yang dibuat oleh salah seorang ketua pasukan, sebelum waktu rehat dimulakan.

10. Keadaan luar biasa

Pengadil hendaklah mempunyai budi bicara untuk melaksanakan prosedur 9 di atas atas alasan selain dari padang, cuaca atau lampu sekiranya mereka menganggap keadaan luar biasa mewajarkannya.

11. Kedudukan pengadil

Pengadil hendaklah berdiri di tempat yang membolehkan mereka melihat dengan jelas sebarang tindakan yang mungkin memerlukan keputusan mereka.

Tertakluk pada pertimbangan utama ini pengadil di sudut pembaling hendaklah berdiri tanpa menghalang landas lari pembaling atau pandangan penyerang.

Pengadil yang di sudut penyerang boleh memilih untuk berdiri di kawasan kanan bukannya di kawasan kiri lapangan tengah asalkan dia memaklumkan kepada ketua pasukan bahagian pemandang, penyerang dan pengadil lain.

12. Pengadil bertukar kawasan

Pengadil hendaklah bertukar sudut selepas satu pasukan menghabiskan satu ining. Lihat Undang-Undang 14.2 (Kehilangan hak ining).

13. Perundingan antara pengadil

Semua pertikaian hendaklah ditentukan oleh pengadil. Pengadil hendaklah berunding antara satu dengan yang lain apabila perlu. Lihat Undang-Undang 27.6 (Perundingan oleh pengadil)

14. Isyarat

- (a) Isyarat berikut ini hendaklah digunakan oleh pengadil.
- (i) Isyarat yang dibuat ketika bola sedang dimainkan
- | | | |
|-----------|--|-------------|
| Bola mati | - dengan menyilangkan dan menyilangkan kembali tangan di bawah pinggang. | pergelangan |
|-----------|--|-------------|
- | | | |
|----------------|--|--|
| Balingan batal | - dengan mendepangkan satu tangan secara mendatar. | |
|----------------|--|--|
- | | | |
|--------|--|--|
| Keluar | - dengan mengangkat jari telunjuk di atas kepala. (Jika tidak keluar maka pengadil akan mengatakan Tidak keluar) | |
|--------|--|--|
- | | | |
|--------------|--|--|
| Lampau jarak | - dengan mendepangkan kedua tangan secara mendatar | |
|--------------|--|--|
- (ii) Apabila bola mati, maka isyarat yang tersebut di atas, kecuali isyarat untuk bola Keluar, hendaklah diulang lagi kepada pencatat. Isyarat yang tersenarai di bawah akan dilakukan kepada pencatat hanya apabila bola mati.
- | | | |
|------------|--|--------|
| Sempadan 4 | - dengan melambaikan tangan dari sisi ke sisi diselesaikan dengan tangan menyilang di atas dada. | dengan |
|------------|--|--------|
- | | | |
|------------|--|--|
| Sempadan 6 | - dengan mengangkat kedua belah tangan di atas kepala. | |
|------------|--|--|
- | | | |
|----------------|---|--|
| Larian percuma | - dengan mengangkat satu tangan terbuka di atas kepala. | |
|----------------|---|--|
- | | | |
|-----------------------------|---|--------|
| Permulaan satu jam terakhir | - dengan menunjuk ke arah pergelangan tangan dengan menggunakan tangan yang sebelah lagi. | dengan |
|-----------------------------|---|--------|
- | | | |
|---------------------|--|--|
| Lima larian penalti | diberikan kepada pihak pemukul - dengan menepuk-nepuk bahu menggunakan tangan yang sebelah lagi. | |
|---------------------|--|--|
- | | | |
|---------------------|--|--|
| Lima larian penalti | diberikan kepada pihak pemadang - dengan meletakkan sebelah tangan di atas bahu yang sebelah lagi. | |
|---------------------|--|--|
- | | | |
|-------------------------|--|--|
| Larian sentuhan percuma | - dengan menyentuh lutut yang dinaikkan dengan menggunakan tangan. | |
|-------------------------|--|--|
- | | | |
|-----------|--|--|
| Bola baru | - dengan mengangkat bola di atas kepala. | |
|-----------|--|--|
- | | | |
|------------------------------|---|--|
| Membatalkan isyarat terakhir | - dengan menyentuh kedua belah bahu menggunakan tangan yang berlawanan. | |
|------------------------------|---|--|
- | | | |
|--------------|--|--|
| Larian batal | - dengan membengkokkan sebelah tangan ke atas dan menyentuh bahu terdekat dengan ujung jari. | |
|--------------|--|--|
- (b) Pengadil hendaklah menunggu sehingga setiap isyarat yang diberikan kepada pencatat secara berasingan dimaklumi oleh pencatat sebelum membenarkan permainan diteruskan.

15. Ketepatan catatan

Perundingan antara pengadil dan pencatat mengenai kiraan mata yang meragukan adalah penting. Pengadil hendaklah yakin pada ketepatan jumlah larian yang di catat, wicket yang telah dijatuhkan dan jika bersesuaian, jumlah over yang telah di balingkan. Mereka hendaklah sekata dengan pencatat sekurang-kurangnya pada setiap waktu rehat, selain dari waktu rehat minum, dan di akhir pertandingan. Lihat Undang-Undang 4.2 (Ketepatan catatan), Undang-Undang 21.8 (Ketepatan keputusan) dan Undang-Undang 21.10 (Keputusan tidak akan berubah).

UDANG-UDANG 4 PENCATAT

1. Pelantikan pencatat

Dua orang pencatat hendaklah dilantik untuk mencatat semua larian, semua wicket diambil dan, jika bersesuaian , jumlah over yang telah di balingkan.

2. Ketepatan catatan

Pencatat hendaklah kerapkali memeriksa untuk memastikan yang catatan mereka adalah sama. Pencatat hendaklah sekata dengan pengadil, sekurang-kurangnya pada setiap waktu rehat, selain dari waktu rehat minum dan di akhir pertandingan, larian, wicket yang telah dijatuhkan dan jika bersesuaian, jumlah over yang telah dibalingkan. Lihat Undang-Undang 3.15 (Ketepatan catatan)

3. Memaklumi tanda isyarat

Pencatat hendaklah menerima semua arahan dan isyarat yang diberi oleh pengadil kepada mereka. Mereka dengan hendaklah memaklumi setiap isyarat yang berasingan.

UDANG-UDANG 5 BOLA

1. Berat dan ukuran

Bola, apabila baharu, hendaklah seberat tidak kurang dari $5\frac{1}{2}$ auns / 155.9 g, tidak lebih dari $5\frac{3}{4}$ auns / 163 g dan ukurannya tidak kurang dari $8\frac{13}{16}$ inci / 22.4 cm, tidak lebih dari 9 inci / 22.9 cm pada lilitan.

2. Kebenaran dan pengawalan bola

- (a) Semua bola yang akan digunakan dalam perlawanan yang telah mendapat kebenaran dari pengadil dan ketua pasukan, hendaklah menjadi milik pengadil sebelum undian dilakukan dan hendaklah tetap di bawah pengawasan mereka sepanjang pertandingan.
- (b) Pengadil hendaklah mengambil bola yang digunakan pada setiap kali wicket jatuh, semasa permulaan sebarang waktu rehat dan semasa sebarang ganguan permainan.

3. Bola baru

Kecuali ada perjanjian sebaliknya yang telah dibuat sebelum pertandingan berjalan, salah seorang ketua pasukan boleh meminta sebiji bola baru pada setiap kali memulakan ining.

4. Bola baru dalam perlawanan yang berjalan lebih dari sehari

Dalam pertandingan yang tempohnya lebih dari sehari, ketua pasukan pihak pemadang boleh meminta bola baru selepas jumlah over yang ditentukan telah dibalingkan dengan menggunakan bola lama. Badan yang mengawal Kriket di Negara berkenaan akan menentukan jumlah over yang dikenakan di Negara itu, iaitu tidak kurang dari 75 over.

Pengadil hendaklah memberitahu kepada pemukul dan pencatat setiap kali bola baru digunakan dalam permainan.

5. Bola hilang atau menjadi tidak sesuai untuk permainan

Sekiranya, semasa permainan, bola tidak dapat dicari atau ditemui kembali atau pengadil bersetuju bahawa bola menjadi tidak layak untuk permainan melalui penggunaan biasa, pengadil akan menggantikannya dengan bola yang telah digunakan yang sebanding dengan bola sebelumnya, sebelum ia perlu diganti. Bila bola telah diganti, pengadil hendaklah memaklumkan pemukul dan ketua pasukan pemadang.

6. Spesifikasi

Spesifikasi sebagaimana yang terangkan dalam 1 di atas dikenakan hanya kepada pemain kriket lelaki sahaja. Spesifikasi berikut ini dikenakan kepada

- (i) Pemain kriket wanita

- Berat : dari 4 15/16 auns / 140 g hingga 5 5/16 auns / 151 g
Lilitan bola : dari 8 1/4 inci / 21.0 cm hingga 8 7/8 inci / 22.5 cm
- (ii) Pemain kriket remaja – di bawah 13 tahun
Berat : dari 4 11/16 auns / 133 g hingga 5 5/16 auns / 144 g
Lilitan bola : dari 8 1/16 inci / 20.5 cm hingga 8 11/16 inci / 22.0 cm
-

UDANG-UDANG 6 KAYU PUKUL

1. Lebar dan panjang

Kayu pukul secara keseluruhan hendaklah tidak lebih dari 38 inci / 96.5 cm panjang. Permukaan alat pukul tersebut hendaklah dibuat dari kayu semata-mata dan lebarnya tidak lebih dari 4 1/4 ci / 10.8 cm.

2. Menutup Permukaan

Permukaankayu pukul boleh dilapis dengan bahan untuk perlindungan, mengukuhkan atau membaikpulih. Bahan tersebut hendaklah tidak melebihi 1/16 inci / 1.56 mm tebal, dan tidak menyebabkan kerosakan yang tidak boleh diterima pada bola.

3. Tangan atau sarung tangan dianggap sebagai bahagian dari kayu pukul

Dalam Undang-Undang ini,

- (a) rujukan pada kayu pukul bermakna kayu pukul dipegang oleh pemukul.
(b) sentuhan antara bola dan
sama ada, (i) kayu pukul penyerang itu sendiri
atau (ii) tangan penyerang yang memegang kayu pukul
atau (iii) mana-mana bahagian sarung tangan yang dipakai di tangan
penyerang yang memegang kayu pukul hendaklah dikira sebagai bole menyerang atau
menyentuh kayu pukul atau dipukul dengan kayu pukul.
-

UDANG-UDANG 7 LAPANGAN TENGAH

1. Kawasan Lapangan Tengah

Lapangan tengah adalah satu kawasan di padang yang berbentuk segi empat tepat yang panjangnya berukuran 22 el/20.12 m dan lebarnya 10 kaki/3.05 m. Di kedua-dua hujung dihadkan oleh garis baling dan di kedua-dua sisi dihadkan oleh garis tidak nyata, setiap satu sudut garis tidak nyata tersebut bersambung dengan pusat dua kayu pancang tengah, masing-masing selari dengan garis tersebut dengan jarak 5 kaki/1.52 m darinya. Lihat Undang-Undang 8.1 (Lebar dan memacak) dan 9.2 (Garis baling)

2. Kesesuaian lapangan tengah untuk permainan

Pengadil adalah hakim penentu yang terakhir bagi kesesuaian lapangan tengah untuk permainan. Lihat Undang-Undang 3.8 (Kesesuaian padang, cuaca dan lampu) dan Undang-Undang 3.9 (Penangguhan permainan bagi keadaan padang, cuaca atau lampu yang buruk).

3. Pemilihan dan penyediaan

Sebelum perlawanan, Pengguna Padang hendaklah bertanggungjawab bagi pemilihan dan penyediaan lapangan tengah. Semasa perlawanan berjalan, pengadil akan mengawasi penggunaan dan pemeliharaannya.

4. Memindah lapangan tengah

Lapangan tengah tidak boleh dipindah semasa perlawanan berjalan kecuali apabila pengadil memutuskan bahawa lapangan tengah tersebut tidak sesuai atau berbahaya untuk meneruskan permainan serta dengan persetujuan kedua-dua pihak ketua pasukan.

5. Lapangan Tengah – tidak berumput

Jika lapangan tengah yang digunakan tidak berumput, permukaan tiruan hendaklah mengikut ukuran berikut :

Panjang – minimum 58 kaki/ 17.68 m

Lebar – minimum 6 kaki/1.83 m

Lihat Undang-Undang 10.8 (Lapangan Tengah tidak berumput).

UDANG-UDANG 8 WIKET

1. Lebar dan memacak

Dua set wiket hendaklah dipacakkan bertentangan dan selari antara satu dengan yang lain pada jarak 22 ela / 20.12 m di antara pusat dua kayu pancang tengah. Setiap set hendaklah 9 inci/22.86 cm lebar dan terdiri dari tiga kayu pancang dengan dua anak pancang dibahagian atasnya. Lihat Lampiran A.

2. Ukuran kayu pancang

Bahagian atas kayu pancang hendaklah 28 inci/71.1 cm di atas permukaan permainan dan hendaklah berbentuk kubah kecuali alur anak pancang. Bahagian kayu pancang yang berada di atas permukaan permainan hendaklah berbentuk silinder selain dari atasnya berbentuk kubah, dengan diameter bahagian bundar tidak kurang dari 1 3/8 inci/3.49 cm juga tidak lebih dari 1 ½ inci/3.81 cm. Lihat Lampiran A.

3. Anak pancang

(a) Anak pancang semasa dalam posisi di atas kayu pancang,

(i) hendaklah menganjur tidak lebih dari ½ inci/1.27 cm di atasnya.

(ii) hendaklah masuk di antara kayu pancang tanpa memaksanya keluar dari vertikal.

(b) Setiap anak pancang hendaklah mengikut spesifikasi berikut. Lihat Lampiran A

Panjang keseluruhan :-	4 5/16 inci/10.95 cm
------------------------	----------------------

Panjang batang :-	2 1/8 inci / 5.40 cm
-------------------	----------------------

Pasak panjang :-	1 3/8 inci/3.49 cm
------------------	--------------------

Pasak pendek :-	3/16 inci/2.06 cm
-----------------	-------------------

4. Kriket Remaja

Dalam kriket remaja, pengertian yang sama mengenai wicket akan digunakan untuk tertakluk pada ukuran yang digunakan.

Lebar : -	8 inci/20.32 cm
Lapangan tengah untuk usia di bawah 13: -	21 ela/19.20 m
Lapangan tengah untuk usia di bawah 11: -	20 ela/18.29 m
Lapangan tengah untuk usia di bawah 9: -	18 ela/16.46 m
Tinggi di atas permukaan permainan: -	27 inci/68.53 cm
Diameter setiap kayu pancang : -	tidak kurang dari $1 \frac{1}{4}$ inci/3.18 cm tidak lebih dari $1 \frac{3}{8}$ inci/3.49 cm
Untuk setiap anak pancang	
Panjang keseluruhan : -	3 $\frac{13}{16}$ inci 9.68 cm
Panjang batang: -	1 $\frac{13}{16}$ inci / 4.60 cm
Pasak panjang : -	1 $\frac{1}{4}$ inci/3.18 cm
Pasak pendek : -	3/4 inci/1.91 cm

5. Mengetepikan anak pancang

Pengadil boleh bersetuju untuk mengetepikan penggunaan anak pancang, jika perlu. Sekiranya mereka setuju maka anak pancang tidak akan digunakan di kedua-dua sudut. Penggunaan anak pancang hendaklah segera dimulakan kembali setelah keadaan mengizinkan. Lihat Undang-Undang 28.4 (Mengetepikan anak pancang).

UDANG-UDANG 9 GARIS BALING, PUKUL DAN HAD

1. Garis

Garis baling, garis pukul dan dua garis had hendaklah ditandakan dengan warna putih, sebagaimana yang dinyatakan dalam 2, 3 dan 4 di bawah, pada setiap sudut lapangan tengah. Lihat Lampiran B.

2. Garis baling

Garis baling, iaitu di tepi bahagian belakang tanda garisan, adalah garisan yang menembusi pusat tiga kayu pancang. Panjangnya 8 kaki 8 inci/ 2.64 m, dengan kayu pancang terletak di tengah-tengah.

3. Garis pukul

Garis pukul, iaitu di tepi bahagian belakang tanda garisan, hendaklah berhadapan dan selari dengan garis baling dan jarak antara keduanya 4 kaki/1.22 m. Garis pukul hendaklah ditandakan sehingga minimum 6 kaki/1.83 m pada kedua-dua garis tidak nyata yang bersambung dengan pusat kayu pancang tengah dan hendaklah dianggap tidak terhad panjangnya.

4. Garis had

Garisan had adalah di dalam tepi tanda garisan yang di sudut tegak garis had pada jarak 4 kaki 4 inci/ 1.32 m pada kedua bahagian garis khayalan yang menyambungkan pusat dua kayu pancang tengah. Setiap garisan had akan ditandakan dari garisan pukul sehingga minimum 8 kaki/2.44 m dibelakangnya dan akan dianggap tidak terhad panjangnya.

UDANG-UDANG 10 PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN GELANGGANG PERMAINAN

1. Meratakan (penggelek)

Lapangan tengah hendaklah tidak diratakan semasa perlawanan kecuali dibenarkan sebagaimana dalam (a) dan (b) di bawah.

(a) Kekerapan dan tempoh meratakan

Semasa perlawanan lapangan tengah boleh diratakan atas permintaan ketua pasukan dari pihak pemukul bagi tempoh tidak lebih dari 7 minit, sebelum memulakan setiap ining, selain dari ining pertama perlawanan tersebut dan sebelum memulakan permainan pada hari berikutnya. Lihat (d) di bawah.

(b) Meratakan selepas menunda waktu bermula

Sebagai tambahan terhadap kebenaran meratakan seperti di atas, sekiranya, selepas undian dan sebelum ining yang pertama perlawanan tersebut, waktu memulakan telah ditunda, maka ketua pasukan dari pihak pemukul boleh meminta supaya lapangan tengah di ratakan bagi tempoh tidak lebih dari 7 minit. Bagaimanapun, sekiranya pihak pengadil sama-sama setuju yang penundaan tersebut tidak menjelaskan keadaan lapangan tengah, maka mereka hendaklah menolak permintaan meratakan lapangan tengah tersebut.

(c) Memilih mesin untuk meratakan

Sekiranya terdapat lebih dari satu mesin untuk meratakan (penggelek) maka ketua pasukan pihak pemukul bolehlah memilih.

(d) Masa yang dibenarkan untuk meratakan

Kerja untuk meratakan yang dibenarkan (maksimum 7 minit) sebelum permainan bermula pada mana-mana hari, hendaklah dimulakan tidak lebih dari 30 minit sebelum masa yang dijadualkan atau dijadualkan semula untuk memulakan permainan. Ketua pasukan pihak pemukul, bagaimanapun, boleh menunda kerja meratakan tersebut sehingga tidak kurang dari 10 minit sebelum masa yang dijadualkan atau dijadualkan semula untuk memulakan permainan sekiranya dia menginginkan sedemikian.

(e) Tidak cukup masa untuk menyiapkan kerja meratakan

Sekiranya ketua pasukan mengisyiharkan ining sudah ditutup atau kehilangan hak ining atau memaksa untuk melanjutkan dan ketua pasukan yang satu lagi terhalang dari melaksanakan pilihanya untuk kerja meratakan yang telah dibenarkan (maksimum 7 minit) atau jika dia terus dihalang atas sebarang alasan lain, maka masa tambahan yang diperlukan untuk menyiapkan kerja meratakan hendaklah diambil dari waktu bermain biasa.

2. Menyapu

- (a) Sekiranya penggelekan akan dilakukan maka lapangan tengah terlebih dahulu akan disapu untuk mengelakkan sebarang kemungkinan kerosakan oleh debu. Kerja menyapu ini hendaklah dilakukan dalam masa 7 minit yang dibenarkan supaya kerja meratakan tidak akan terjejas.
- (b) Lapangan tengah hendaklah dibersihkan dari debu pada setiap waktu rehat makan, di antara ining dan setiap hari permulaan, tidak boleh awal dari 30 minit dan juga tidak lewat dari 10 minit sebelum masa yang dijadualkan atau dijadualkan semula untuk permainan di mulakan. Lihat Undang-Undang 15.1 (Waktu rehat).
- (c) Walauapa pun peruntukan (a) dan (b) di atas, pengadil hendaklah tidak membenarkan menyapu sekiranya mereka menganggap kemungkinan akan menjelaskan permukaan lapangan tengah tersebut.

3. Memotong rumput

(a) Lapangan Tengah

Rumput lapangan tengah hendaklah dipotong pada setiap hari perlawaan dijangka berlangsung, sekiranya keadaan padang dan cuaca mengizinkan.

(b) Bahagian luar padang

Untuk memastikan keadaan seboleh-bolehnya sama di kedua-dua bahagian, bahagian luar padang hendaklah dipotong rumputnya pada setiap hari perlawaan dijangka berlangsung, sekiranya keadaan padang dan cuaca mengizinkan

Sekiranya, ada alasan selain dari keadaan padang dan cuaca, pemotongan rumput dibahagian luar padang tidak dilakukan, maka Pegawai Penguasa Padang hendaklah memaklumkan kepada ketua pasukan dan pengadil tentang prosedur yang akan digunakan bagi pemotongan rumput semasa pertandingan.

(c) Tanggungjawab untuk memotong rumput

Semua pemotongan rumput yang dilakukan sebelum perlawaan adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Penguasa Padang.

Semua pemotongan rumput yang berikutnya hendaklah dilakukan di bawah pengawasan pengadil.

(d) Masa pemotongan rumput

(i) Pemotongan rumput di lapangan tengah yang dilakukan pada hari perlawaan hendaklah disiapkan tidak lewat dari 30 minit sebelum masa yang dijadualkan atau dijadualkan semula untuk memulakan permainan pada hari itu.

(ii) Pemotongan rumput di bahagian luar padang yang dilakukan pada hari perlawaan hendaklah disiapkan tidak lewat dari 15 minit sebelum masa yang dijadualkan atau dijadualkan semula untuk memulakan permainan pada hari itu.

4. Penyiraman air

Lapangan tengah hendaklah tidak disiram semasa perlawaan.

5. Menanda semula garisan

Garisan hendaklah ditandakan semula pada bila-bila masa salah seorang pengadil menganggapnya perlu.

6. Menyelenggara tempat berpijak

Pengadil hendaklah memastikan yang lubang yang dibuat oleh pembaling dan pemukul dibersihkan dan dikeringkan bila perlu untuk memudahkan permainan. Dalam perlawaan yang tempohnya lebih dari sehari, pengadil hendaklah membenarkan, jika perlu, menanam rumput semula pada tempat berpijak yang dibuat oleh pembaling semasa membuat hantaran atau menggunakan isian lekas keras untuk tujuan yang sama.

7. Mengukuhkan tempat berpijak dan menyelenggara lapangan tengah

Semasa permainan pengadil hendaklah membenarkan pemain untuk mengukuhkan tempat berpijak mereka dengan menggunakan habuk gergaji dengan syarat tidak akan menyebabkan kerosakan pada lapangan tengah dan tidak melanggar Undang-Undang 42 (Permainan wajar dan tidak wajar).

8. Lapangan tengah tidak berumput

Jika bersesuaian, peruntukan yang dinyatakan dalam 1 hingga 7 di atas hendaklah dikenakan.

UDANG-UDANG 11 MENUTUP LAPANGAN TENGAH

1. Sebelum perlawanan

Menggunakan penutup sebelum perlawanan adalah tanggungjawab Pegawai Pengguna Padang dan termasuk penutupan seluruh permukaan jika diperlukan. Bagaimanapun, Pegawai Pengguna Padang hendaklah memberikan kemudahan yang bersesuaian kepada ketua pasukan untuk memeriksa lapangan tengah sebelum membariskan pemainnya dan kepada pengadil untuk menjalankan tugas mereka sebagaimana yang dinyatakan dalam Undang-Undang 3 (Pengadil), Undang-Undang7 (Lapangan Tengah), Undang-Undang 8 (Wiket), Undang-Undang 9 (Garis baling, pukul dan had) dan Undang-Undang 10 (Penyediaan dan penyelenggaraan gelanggang permainan).

2. Semasa perlawanan

Lapangan tengah hendaklah tidak ditutup keseluruhannya semasa perlawanan kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh peraturan atau perjanjian sebelum undian.

3. Menutup landas lari pembaling

Jika boleh, landas lari pembaling hendaklah ditutup semasa cuaca buruk supaya sentiasa dalam keadaan kering. Kecuali ada persetujuan untuk menutup seluruhnya berdasarkan 2 tersebut di atas maka penutup yang digunakan tidak lebih dari 5 kaki /1.52 m di hadapan setiap garis pukul.

4. Menanggalkan penutup

- (a) Sekiranya selepas undian dijalankan lapangan tengah ditutup semalam, penutup tersebut hendaklah ditanggalkan sesegera yang boleh pada setiap hari permainan dijangkakan berlangsung.
 - (b) Sekiranya penutup digunakan pada siang hari sebagai pelindung dari cuaca buruk, atau sekiranya cuaca buruk menyebabkan penangguhan untuk menanggalkan penutup yang semalam terpasang, maka hendaklah segera ditanggalkan sebaik saja keadaan mengizinkan.
-

UDANG-UDANG 12 INING

1. Jumlah ining

- (a) Perlawanan hendaklah satu atau dua ining untuk setiap pihak menurut perjanjian yang dicapai sebelum perlawanan berlangsung.
- (b) Kemungkinan terdapat persetujuan untuk menghadkan ining pada jumlah over atau mengikut tempoh masa. Sekiranya persetujuan sedemikian dibuat maka
 - (i) dalam perlawanan satu ining, hendaklah dikenakan pada kedua-dua ining.
 - (ii) dalam perlawanan dua ining hendaklah dikenakan pada sama ada ining pertama bagi setiap pihak atau ining kedua bagi setiap pihak atau kedua-dua ining bagi setiap pihak.

2. Ining bergantian

Dalam perlawanan dua ining setiap pihak hendaklah mengambil ining secara bergantian kecuali dalam hal yang diperuntukan dalam Undang-Undang 13 (Lanjutan) atau Undang-Undang 14.2 (Kehilangan hak ining).

3. Ining selesai

Ining bagi satu pihak adalah dianggap telah selesai sekiranya

- (a) pihak tersebut keluar semua, atau
- (b) semasa kayu pancang jatuh, bola berikutnya tetap akan dibaling tetapi tidak ada pemukul berikutnya yang masuk, atau
- (c) ketua pasukan mengisyiharkan bahawa ining sudah ditutup, atau
- (d) Ketua pasukan kehilangan hak ining, atau
- (e) dalam hal perjanjian berdasarkan 1 (b) di atas, sama ada
 - (i) jumlah over yang ditetapkan telah dibalingkan, atau
 - (ii) masa yang ditetapkan telah mansuh.

4. Undian

Ketua pasukan hendaklah melakukan undian untuk memilih ining di padang permainan tidak lebih awal dari 30 minit, juga tidak lewat dari 15 minit, sebelum masa yang dijadualkan atau dijadualkan semula untuk memulakan perlawanan. Bagaimanapun, perhatikan, peruntukan Undang-Undang 1.3 (Ketua Pasukan).

5. Keputusan untuk dimaklumkan

Ketua pasukan yang memenangi undian hendaklah memberitahu ketua pasukan pihak lawan tentang keputusannya untuk memukul atau memadang tidak lewat dari 10 minit sebelum masa yang dijadualkan atau dijadualkan semula untuk memulakan perlawanan. Sebaik saja memaklumkan, keputusan tersebut tidak dapat diubah.

UDANG-UDANG 13 LANJUTAN

1. Mendahului ining pertama

- (a) Dalam perlawanan dua ining selama 5 hari atau lebih, pihak yang pertama memukul dan mendahului sekurang-kurangnya 200 larian akan mendapat pilihan untuk menghendaki pihak lain untuk mengikuti ining mereka.
- (b) Pilihan yang sama juga terdapat dalam perlawanan dua ining dengan tempoh yang lebih pendek dengan dikehendaki mendahului minimum sebagai berikut :
 - (i) 150 larian dalam perlawanan selama 3 atau 4 hari;
 - (ii) 100 larian dalam perlawanan selama 2 hari
 - (iii) 75 larian dalam perlawanan selama 1 hari.

2. Pemberitahuan

Ketua pasukan hendaklah memberitahu ketua pasukan pihak lawan dan pengadil tentang tujuannya untuk mengambil pilihan ini. Undang-Undang 10.1 (e) (Tidak cukup masa untuk menyiapkan kerja meratakan) hendaklah dikenakan.

3. Kalah bermain hari pertama

Sekiranya tidak ada permainan pada hari pertama perlawanan yang tempohnya lebih dari sehari, maka 1 yang tersebut di atas akan dikenakan mengikut jumlah hari yang tinggal dari hari perlawanan dimulakan. Pada hari permainan pertama bermula hendaklah dikira sebagai satu hari penuh untuk tujuan tersebut, tanpa mengira masa permainan bermula.

Permainan akan segera berjalan selepas panggilan untuk Bermain, over pertama telah dimulakan. Lihat Undang-Undang 22.2 (Permulaan over).

UDANG-UDANG 14 PENGISYTIHARAN DAN KEHILANGAN HAK

1. Waktu pengisytiharan

Ketua pasukan dari pihak pemukul boleh mengisytiharkan yang ining telah ditutup, apabila bola telah mati, pada bila-bila masa semasa perlawanan.

2. Kehilangan hak ining

Ketua pasukan boleh kehilangan hak sama ada ining dari pihaknya. Kehilangan hak ining hendaklah dianggap sebagai ining yang telah diselesaikan.

3. Pemberitahuan

Ketua pasukan hendaklah memberitahu ketua pasukan pihak lawan dan pengadil mengenai keputusannya untuk mengisytiharkan atau untuk menghilangkan hak ining. Undang-Undang 10.1 (e) (Tidak cukup masa untuk menyiapkan kerja meratakan) hendaklah dikenakan.

UDANG-UDANG 15 WAKTU REHAT

1. Waktu rehat

Berikut ini dikelaskan sebagai waktu rehat.

- (i) Masa antara penutupan permainan pada satu hari dan permulaan permainan pada hari berikutnya.
- (ii) Waktu rehat di antara ining
- (iii) Waktu rehat makan
- (iv) Waktu rehat minum
- (v) Waktu rehat lain yang telah dipersetujui

Semua waktu rehat ini hendaklah dianggap sebagai waktu rehat yang telah dijadualkan untuk tujuan Undang-Undang 2.5 (Pemandang tidak hadir atau meninggalkan padang).

2. Persetujuan waktu rehat

- (a) Sebelum undian dilakukan
 - (i) masa permainan hendaklah ditetapkan;
 - (ii) kecuali sebagaimana dalam (b) di bawah, masa dan tempoh rehat makan hendaklah dipersetujui;
 - (iii) masa dan tempoh rehat lain yang di bawah 1 (v) tersebut di atas hendaklah dipersetujui;
- (b) Dalam perlawanan satu hari tidak ada masa khusus untuk waktu rehat minum petang yang perlu dipersetujui. Sebaliknya boleh dipersetujui untuk mengambil waktu rehat di antara ining.
- (c) Waktu rehat minum tidak dapat diambil semasa perlawanan, seperti yang telah ditetapkan dalam Undang-Undang 16.6 (Jam akhir perlawanan - jumlah over). Tertakluk pada pengehadan tersebut, ketua pasukan dan pengadil hendaklah mempersetujui waktu rehat

sedemikian, sekiranya ada, sebelum undian dilakukan dan pada setiap hari berikutnya tidak lewat dari 10 minit sebelum permainan dijadualkan bermula. Lihat juga Undang-Undang 3.3 (Persetujuan dengan ketua pasukan).

3. Tempoh waktu rehat

- (a) Waktu rehat makan tengah hari atau minum petang adalah tempoh yang dipersetujui di bawah 2(a) di atas, yang diambil dari masa tamat sebelum waktu rehat sehingga panggilan untuk Permainan dimulakan semula selepas waktu rehat.
- (b) Waktu rehat di antara ining adalah selama 10 minit mulai dari penutupan ining sehingga panggilan Permainan untuk memulakan ining berikutnya, kecuali sebagaimana dalam 4, 6 dan 7 di bawah.

4. Tidak dibenarkan waktu rehat di antara ining

Sebagai tambahan pada peruntukan 6 dan 7 di bawah,

- (a) Sekiranya ining berakhir semasa tinggal 10 minit atau kurang sebelum waktu yang dipersetujui bagi penutupan permainan pada sebarang hari, maka tidak ada permainan selanjutnya pada hari tersebut. Tidak ada perubahan masa untuk memulakan permainan pada hari berikutnya disebabkan oleh 10 minit di antara ining tersebut.
- (b) Sekiranya ketua pasukan mengisyiharkan ining ditutup semasa terdapat gangguan dalam permainan yang mengambil masa lebih dari 10 minit, pelarasan masa tidak akan dilakukan bagi memulakan semula permainan disebabkan oleh 10 minit di antara ining tersebut, yang dianggap sebagai termasuk dalam gangguan. Undang-Undang 10.1 (e) (Tidak cukup masa untuk menyiapkan kerja meratakan) hendaklah dikenakan.
- (c) Sekiranya ketua pasukan mengisyiharkan ining ditutup semasa sebarang waktu rehat selain waktu rehat minum, maka waktu rehat tersebut hendaklah dipersetujui dan hendaklah dianggap termasuk 10 minit di antara ining. Undang-Undang 10.1 (e) (Tidak cukup masa untuk menyiapkan kerja meratakan) hendaklah dikenakan.

5. Mengubah waktu rehat yang telah dipersetujui

Sekiranya padang, cuaca dan lampu dalam keadaan buruk atau atas alasan yang lain, yang menyebabkan kehilangan masa permainan, maka pengadil dan ketua pasukan sama-sama boleh mengubah waktu rehat untuk makan tengah hari atau waktu rehat minum petang. Lihat juga 6, 7 dan 9(c) di bawah.

6. Mengubah waktu rehat makan tengah hari yang telah dipersetujui

- (a) Sekiranya ining berakhir semasa hanya tinggal atau kurang dari 10 minit sebelum masa makan tengah hari yang telah dipersetujui, maka waktu rehat hendaklah segera diambil. Masa tersebut adalah dari tempoh yang telah dipersetujui dan dianggap sudah termasuk 10 minit di antara ining.
- (b) Sekiranya disebabkan oleh keadaan padang, cuaca dan lampu yang buruk atau dalam keadaan luar biasa, terjadi pemberhentian semasa hanya tinggal atau kurang dari 10 minit sebelum masa untuk makan tengah hari yang telah dipersetujui maka, walauapa pun dalam 5 di atas, waktu rehat hendaklah segera diambil. Masa tersebut adalah dari tempoh yang telah dipersetujui. Permainan hendaklah dimulakan semula selepas waktu rehat atau dengan segera setelah keadaan mengizinkan.
- (c) Sekiranya pemain mempunyai sebab untuk meninggalkan padang atas sebarang alasan semasa hanya tinggal lebih dari 10 minit sebelum masa untuk makan tengah hari yang telah dipersetujui maka, kecuali pengadil dan ketua pasukan sama-sama bersetuju untuk megubahnya, makan tengah hari hendaklah diambil pada masa yang telah dipersetujui.

7. Mengubah waktu rehat minum petang yang telah dipersetujui

- (a) (i) Sekiranya ining berakhir semasa hanya tinggal atau kurang dari 30 minit sebelum masa untuk minum petang yang telah dipersetujui, maka waktu rehat hendaklah segera diambil. Masa tersebut adalah dari tempoh yang telah dipersetujui dan dianggap termasuk 10 minit di antara ining.
(ii) Sekiranya hanya tinggal 30 minit sebelum masa untuk minum petang yang telah dipersetujui, waktu rehat di antara ining sudah berjalan, maka permainan hendaklah dimulakan semula di akhir 10 minit waktu rehat.
- (b) (i) Sekiranya disebabkan oleh padang, cuaca dan lampu dalam keadaan buruk, atau dalam keadaan yang luar biasa, terjadi pemberhentian ketika hanya tinggal atau kurang dari 30 minit sebelum masa untuk minum petang yang telah dipersetujui, maka kecuali sama ada terdapat satu perjanjian untuk menukar masa minum petang, sebagaimana yang dibenarkan dalam 5 di atas atau ketua pasukan bersetuju untuk meninggalkan waktu rehat minum petang tersebut sebagaimana yang dibenarkan dalam 10 di bawah, maka waktu rehat hendaklah segera diambil. Waktu rehat tersebut adalah dari tempoh yang telah dipersetujui. Permainan hendaklah dimulakan semula di akhir waktu rehat atau dengan segera setelah keadaan mengizinkan.
(ii) Sekiranya pemberhentian sudah berjalan semasa hanya tinggal 30 minit sebelum masa untuk minum petang yang telah dipersetujui maka, 5 di atas hendaklah dikenakan.

8. Waktu rehat minum petang – 9 wicket jatuh

Sekiranya 9 wicket telah jatuh di akhir over yang sedang berjalan ketika masa yang telah dipersetujui untuk waktu rehat minum petang telah tiba, maka permainan hendaklah diteruskan bagi masa yang tidak melebihi 30 minit, kecuali pemain mempunyai alasan untuk meninggalkan padang permainan, atau ining telah diselesaikan lebih awal lagi.

9. Waktu rehat minum

- (a) Sekiranya pada sebarang hari ketua pasukan bersetuju mengadakan waktu rehat minum, maka pilihan untuk mengambil waktu rehat tersebut hendaklah boleh diterima oleh kedua belah pihak. Setiap waktu rehat seboleh-bolehnya hendaklah dipendekkan dan dalam sebarang hal tidak melebihi 5 minit.
- (b) (i) Kecuali kedua-dua ketua pasukan bersetuju untuk meninggalkan waktu rehat minum, maka hendaklah diambil di akhir over yang sedang berjalan ketika masa yang dipersetujui telah dicapai. Bagaimanapun, jika wicket jatuh dalam masa 5 minit dari masa yang telah dipersetujui, maka rehat minum hendaklah segera diambil. Tidak ada perubahan masa rehat minum dibenarkan kecuali sebagaimana diperuntukan dalam (c) di bawah.
(ii) Untuk tujuan (i) di atas dan Undang-Undang 3.9 (a) (ii) (Penangguhan permainan bagi keadaan padang, cuaca atau lampu yang buruk) sahaja, pemukul di wicket dapat menggantikan ketua pasukan mereka.
- (c) Sekiranya ining berakhir atau pemain terpaksa meninggalkan padang permainan atas sebarang alasan lain dalam tempoh 30 minit dari masa yang telah dipersetujui untuk rehat minum, maka pengadil dan ketua pasukan sama-sama boleh menyusun semula waktu rehat minum dalam sesi tersebut.

10. Perjanjian untuk meninggalkan waktu rehat

Pada bila-bila masa semasa perlawanan, ketua pasukan boleh bersetuju untuk meninggalkan waktu rehat minum petang atau sebarang waktu rehat minum lain. Pengadil hendaklah dimaklumkan mengenai keputusan tersebut.

11. Memaklumkan pencatat mata

Pengadil hendaklah memastikan yang pencatat telah dimaklumkan tentang semua perjanjian mengenai masa permainan dan waktu rehat serta sebarang perubahan yang dibuat sebagaimana yang dibenarkan di bawah Undang-Undang ini.

UDANG-UDANG 16 PERMULAAN PERMAINAN; MASA TAMAT

1. Panggilan permulaan permainan

Pengadil di kawasan pembaling hendaklah membuat panggilan bagi permulaan Permainan di permulaan perlawanian dan semasa permainan disambung semula selepas sebarang waktu rehat atau gangguan.

2. Panggilan Masa Tamat

Pengadil di kawasan pembaling hendaklah membuat panggilan Masa Tamat semasa permainan berakhir sebelum sebarang waktu rehat atau gangguan permainan dan semasa perlawanian tamat. Lihat Undang-undang 27 (Rayuan).

3. Pemindahan anak pancang

Setelah panggilan Masa Tamat, anak pancang hendaklah dipindah dari kedua-dua wicket.

4. Memulakan over baru

Over yang lain hendaklah dimulakan pada bila-bila masa sahaja semasa perlawanian, kecuali waktu rehat akan diambil dalam keadaan yang dinyatakan dalam butiran 5 di bawah, jika pengadil, setelah berjalan dengan langkah biasa, tiba dikedudukannya di belakang kayu pancang di kawasan pembaling sebelum masa yang dipersetujui untuk waktu rehat berikutnya, atau untuk mengakhiri permainan, telah sampai.

5. Penyelesaian over

Selain dari di saat akhir perlawanian,

- (a) jika masa yang dipersetujui untuk waktu rehat tiba semasa over, maka over tersebut hendaklah diselesaikan sebelum waktu rehat diambil kecuali seperti yang diperuntukkan dalam butiran (b) di bawah.
- (b) Apabila tinggal kurang dari 2 minit sebelum masa yang dipersetujui untuk waktu rehat berikutnya, maka waktu rehat hendaklah diambil dengan segera jika sama ada
 - (i) seorang pemukul keluar atau mengundur diri,
atau
 - (ii) pemain mempunyai sebab untuk meninggalkan padang

sama ada ini berlaku semasa atau di penghujung over. Kecuali pada saat akhir ining, jika over ada gangguan, ia hendaklah diselesaikan semasa permainan disambung semula.

6. Jam akhir perlawanian – jumlah over

Apabila tinggal satu jam masa permainan, mengikut jam permainan yang dipersetujui, over yang sedang berlangsung hendaklah diselesaikan. Over berikutnya hendaklah menjadi yang pertama

dari minimum 20 over yang mesti dibaling, dengan syarat suatu keputusan tidak dicapai lebih awal dan dengan syarat tiada waktu rehat atau gangguan dalam permainan.

Pengadil di kawasan pembaling hendaklah memberitahu bermulanya 20 over ini kepada pemain dan pencatat. Tempoh permainan selepas itu hendaklah dirujuk sebagai jam akhir, walau apa pun tempoh masa permainan yang sebenar.

7. Jam akhir perlawan – gangguan permainan

Jika terdapat gangguan dalam permainan semasa jam akhir perlawan, jumlah minimum bagi over untuk dibaling hendaklah dikurangkan dari 20, seperti berikut.

- (a) Masa yang hilang kerana gangguan dikira dari masa tamat sehingga masa permainan disambung semula seperti yang diputuskan oleh pengadil.
- (b) Satu over hendaklah dikurangkan bagi setiap 3 minit penuh masa yang hilang.
- (c) Dalam hal terdapat lebih dari satu gangguan, masa yang hilang hendaklah tidak dikumpulkan, pengiraan bagi setiap gangguan hendaklah dilakukan secara berasingan.
- (d) Jika, masa permainan tinggal satu jam, dan terdapat satu gangguan sedang berlangsung,
 - (i) hanya masa yang hilang selepas ini yang dikira;
 - (ii) over yang sedang berlangsung pada permulaan gangguan hendaklah diselesaikan ketika permainan disambung semula dan hendaklah tidak dikira sebagai salah satu dari jumlah minimum over yang akan dibaling.
- (e) Jika, setelah bermulanya jam akhir permainan, gangguan berlaku semasa over, maka over tersebut hendaklah diselesaikan semasa permainan disambung semula. Kedua-dua bahagian over tersebut hendaklah antara mereka dikira sebagai satu over dari jumlah minimum yang akan dibaling.

8. Jam akhir perlawan – waktu rehat antara ining

Jika ining berakhir supaya ining baru boleh dimulakan semasa jam akhir perlawan, maka waktu rehat bermula ketika ining tersebut berakhir dan hendaklah berakhir 10 minit kemudian.

- (a) Jika waktu rehat ini berlangsung pada permulaan jam akhir, maka bagi menentukan jumlah over yang akan dibaling dalam ining baru, pengiraan akan dibuat seperti yang dinyatakan dalam butiran 7 di atas.
- (b) Jika ining berakhir selepas jam akhir perlawan bermula, dua kiraan hendaklah dibuat, seperti yang dinyatakan dalam butiran (c) dan (d) di bawah. Mana-mana jumlah yang lebih besar yang dihasilkan dari kedua-dua kiraan ini akan menjadi jumlah minimum bagi over yang akan dibaling dalam ining baru.
- (c) Kiraan berdasarkan baki over.
 - (i) Di saat akhir ining, baki jumlah over yang akan dibaling, dari jumlah minimum dalam jam akhir perlawan, harus dicatat.
 - (ii) Jika ia bukan jumlah penuh, ia harus dibulatkan ke jumlah penuh seterusnya.
 - (iii) Tiga over harus dikurangkan dari keputusan bagi waktu rehat.
- (d) Kiraan berdasarkan baki masa.
 - (i) Di saat akhir ining, baki masa sehingga masa yang dipersetujui untuk mengakhiri permainan, harus dicatat.
 - (ii) Sepuluh minit harus dikurangkan dari waktu ini, untuk waktu rehat, bagi menetapkan baki waktu permainan.
 - (iii) Pengiraan harus dilakukan bagi satu over untuk setiap 3 minit penuh baki masa permainan, ditambah lagi dengan satu over bagi baki sebahagian masa 3 minit selanjutnya.

9. Penamatkan perlawan

Perlawan ditamatkan

- (a) sebaik sahaja keputusan, seperti yang dijelaskan dalam seksyen 1, 2, 3, atau 4 Undang-undang 21 (Keputusan), telah dicapai.
- (b) sebaik sahaja kedua-dua
 - (i) jumlah minimum over pada jam akhir diselesaikan, dan
 - (ii) masa yang dipersetujui untuk penutupan permainan telah tiba kecuali jika keputusan telah dibuat lebih awal lagi.
- (c) jika, perlawan tidak ditamatkan sama ada seperti dalam butiran (a) atau (b) di atas, pemain meninggalkan padang, sama ada kerana keadaan tanah, cuaca atau cahaya yang buruk, atau dalam keadaan yang luar biasa, dan permainan berikutnya tidak dapat dijalankan selepas itu.

10. Penyelesaian over terakhir bagi perlawan

Over yang sedang berlangsung semasa penutupan permainan pada hari terakhir hendaklah diselesaikan kecuali, sama ada

- (i) keputusan telah dicapai, atau
- (ii) pemain mempunyai sebab untuk meninggalkan padang. Dalam hal ini, permainan tidak akan disambung semula, kecuali dalam keadaan Undang-undang 21.9 (Kesalahan dalam pencatatan), dan perlawan hendaklah dihentikan.

11. Pembaling tidak dapat menyelesaikan over semasa jam akhir perlawan

Sekiranya, untuk alasan apa pun, pembaling tidak dapat menyelesaikan over semasa jam akhir, Undang-undang 22.8 (Pembaling tidak berupaya atau digantung semasa over), hendaklah dikenakan.

UDANG-UDANG 17 LATIHAN DI PADANG

1. Latihan di padang

- (a) Tidak dibenarkan menjalankan latihan membaling atau memukul di lapangan tengah, atau di kawasan yang selari dan bersempadan dengan lapangan tengah tersebut, pada bila-bila masa pada sebarang hari perlawan.
- (b) Tidak dibenarkan menjalankan latihan membaling atau memukul di mana-mana bahagian kawasan empat segi tepat pada sebarang hari perlawan, kecuali sebelum permulaan atau selepas penutupan perlawan pada hari tersebut. Latihan sebelum perlawan
 - (i) mestilah tidak berlanjutan dari 30 minit sebelum waktu yang dijadualkan atau sebarang waktu yang dijadualkan semula untuk memulakan permainan pada hari tersebut.
 - (ii) dilarang jika pengadil beranggapan bahawa, dalam keadaan padang dan cuaca yang lazim, ia akan menjelaskan permukaan segi empat tersebut.
- (c) Tidak dibenarkan menjalankan latihan di padang di antara panggilan permulaan Permainan dan Masa Tamat, jika pengadil beranggapan ini boleh menyebabkan pembuangan masa. Lihat Undang-undang 42.9 (Pembuangan masa oleh pihak pemandang).
- (d) Jika seorang pemain melanggar butiran (a) atau (b) di atas, dia hendaklah tidak dibenarkan untuk membaling sehingga sekurang-kurangnya tamat 5 over penuh telah dibaling oleh pasukannya selepas pelanggaran tersebut. Jika over sedang berlangsung semasa pelanggaran tersebut, dia hendaklah tidak dibenarkan menyelesaikan over tersebut begitu juga baki bahagian dari 5 over yang tersebut di atas.

2. Larian percubaan

Pembaling tidak dibenarkan membuat larian percubaan di antara panggilan permulaan Permainan dan panggilan Masa Tamat kecuali pengadil yakin bahawa ini tidak akan menyebabkan pembuangan masa.

UDANG-UDANG 18 MENCATAT LARIAN

1. Larian

Skor hendaklah dikira dengan larian. Larian dicatat

- (a) setiap kali pemukul merentasi dan berhasil menamatkan pusingannya dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain, pada bila-bila masa semasa bola masih dalam permainan.
- (b) apabila sempadan dicatat. Lihat Undang-undang 19 (Sempadan)
- (c) apabila larian penalti diberikan. Lihat butiran 6 di bawah.
- (d) apabila ada panggilan Bola Hilang. Lihat Undang-undang 20 (Bola Hilang).

2. Larian yang tidak diizinkan

Walau apa pun butiran 1 di atas, atau sebarang peruntukan di tempat lain dalam Undang-undang ini, pencatatan larian atau pemberian penalti tertakluk pada sebarang larian yang tidak dibenarkan yang diperuntukkan dalam Undang-undang ini yang boleh dikenakan.

3. Larian batal

- (a) Larian adalah batal jika pemukul gagal untuk menamatkan pusingannya bagi larian selanjutnya.
- (b) Walaupun larian batal memendekkan larian yang berjaya, jika larian yang berjaya itu selesai, hendaklah tidak dianggap sebagai batal. Pemukul yang berdiri di depan garis pukul boleh berlari dari titik tersebut juga tanpa penalti.

4. Larian batal yang tidak disenghajakan

Kecuali dalam keadaan dalam butiran 5 di bawah,

- (a) jika salah seorang pemukul berlari larian yang batal, kecuali sempadan dicatat, pengadil berkenaan hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Larian Batal sebaik sahaja bola menjadi mati dan larian itu tidak akan dicatat.
- (b) jika, setelah salah seorang atau kedua-dua pemukul batal larian, satu sempadan dicatat, pengadil berkenaan hendaklah tidak mengendahkan larian batal tersebut dan hendaklah tidak membuat panggilan atau mengisyaratkan Larian Batal.
- (c) jika kedua-dua pemukul tersebut batal lariannya dalam satu larian atau larian yang sama, ini hendaklah dianggap hanya sebagai satu larian batal.
- (d) jika larian batal lebih dari satu, tertakluk pada butiran (b) dan (c) di atas, semua larian yang dibuat panggilan tidak akan dicatat.

5. Larian batal yang disenghajakan

- (a) Walau apa pun butiran 4 di atas, jika salah seorang pengadil menganggap salah seorang atau kedua-dua pemukul melakukan larian batal secara sengaja di kawasannya, prosedur berikut hendaklah digunakan

- (i) Pengadil berkenaan hendaklah, apabila bola tersebut mati, memperingatkan pemukul bahawa amalan tersebut adalah tidak wajar, memberitahu yang ini amaran pertama dan terakhir dan memaklumkan pengadil lain tentang apa yang terjadi.
 - (ii) Pemukul hendaklah kembali ke kawasan mereka semula.
 - (iii) Sama ada pemukul disingkirkan atau tidak, pengadil di kawasan pembaling hendaklah tidak membentarkan semua larian ke pihak pemukul dari balingan tersebut selain dari penalti bagi Balingan Batal atau Lampau Jarak, atau penalti di bawah Undang-undang 42.5 (Gangguan atau halangan pemukul yang disengahajakan) dan 42.13 (Pemandang merosakkan lapangan tengah), jika berkenaan.
 - (iv) Pengadil di kawasan pembaling hendaklah memaklumkan pencatat jumlah larian yang telah diskor.
- (b) Jika terdapat sebarang kejadian larian batal yang disengahajakan kemudiannya oleh salah seorang pemukul yang sama dalam ining tersebut, apabila bola itu mati pengadil berkenaan hendaklah memaklumkan pengadil lain tentang apa yang berlaku dan prosedur yang dinyatakan dalam butiran (a)(ii) dan (iii) di atas hendaklah diulangi. Selain itu, pengadil di kawasan pembaling hendaklah
- (i) memberikan 5 larian penalti kepada pihak pemandang. Lihat Undang-undang 42.17 (Larian Penalti).
 - (ii) memaklumkan pencatat jumlah larian yang diskor.
 - (iii) memaklumkan pemukul, ketua pasukan pihak pemandang dan, sesegera yang boleh, ketua pasukan pihak pemukul tentang alasan bagi tindakan ini.
 - (iv) melaporkan kejadian tersebut, kepada pengadil yang lain, Eksekutif bagi pihak pemukul dan sebarang Badan Yang Mengawal yang bertanggungjawab bagi perlawanan tersebut, yang mengambil tindakan sedemikian yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pemain berkenaan.

6. Larian dicatat bagi penalti

Larian hendaklah dicatat untuk penalti di bawah butiran 5 di atas dan Undang-undang 2.6 (Pemain kembali tanpa kebenaran), Undang-undang 24 (Balingan Batal), Undang-undang 25 (Bola Lampau Jarak), Undang-undang 41.2 (Menahan Bola), Undang-undang 41.3 (Topi keledar kepunyaan pihak pemandang), dan Undang-undang 42 (Permainan wajar dan tidak wajar).

7. Larian dicatat bagi sempadan

Larian hendaklah dicatat bagi kelonggaran sempadan di bawah Undang-Undang 19 (Sempadan).

8. Larian dicatat bagi Bola Hilang

Larian hendaklah dicatat apabila dibuat panggilan Bola Hilang di bawah Undang-Undang 20 (Bola Hilang).

9. Pemukul disingkirkan

Apabila salah seorang pemukul disingkirkan

- (a) Sebarang penalti kepada mana-mana pihak yang boleh dikenakan hendaklah tidak berubah tapi tiada larian lain yang dicatat, kecuali seperti yang dinyatakan dalam butir 10 di bawah. Walau bagaimanapun, perhatikan Undang-undang 42.17(b) (Larian Penalti).
- (b) Butiran 12(a) di bawah akan dikenakan jika cara penyingkiran tersebut adalah Mati Tangkap, Mati Pegang Bola atau Mati Halang. Butiran 12(a) akan dikenakan juga jika pemukul Mati Lari, kecuali dalam keadaan bagi Undang-undang 2.8 (Pelanggaran Undang-undang oleh pemukul yang ada pelari) yang dikenakan butiran 12(b) di bawah.
- (c) Pemukul yang tidak keluar tersebut hendaklah kembali ke kawasan asalnya kecuali seperti yang dinyatakan dalam butiran (b) di atas.

10. Larian yang dicatat apabila pemukul telah disingkirkan

Selain dari sebarang penalti yang boleh dikenakan kepada mana-mana pihak, jika pemukul telah

(a) disingkirkan kerana Mati Pegang Bola, pihak pemukul hendaklah mencatat larian yang diselesaikan sebelum kesalahan tersebut.

(b) disingkirkan kerana Mati Halang, pihak pemukul hendaklah mencatat larian yang diselesaikan sebelum kesalahan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika gangguan tersebut menghalang dari berlakunya penangkapan, tidak ada larian selain dari penalti yang dicatat.

(c) disingkirkan kerana Mati Lari, pihak pemukul hendaklah mencatat larian yang diselesaikan sebelum penyingkiran tersebut.

Walau bagaimanapun, jika pemukul ada pelari yang juga disingkirkan kerana Mati Lari, tidak ada larian selain dari penalti yang dicatat. Lihat Undang-undang 2.8 (Pelanggaran Undang-undang oleh pemukul yang ada pelari).

11. Larian yang dicatat apabila bola menjadi mati

(a) Apabila bola menjadi mati dengan jatuhnya wicket, larian hendaklah dicatat seperti yang ditetapkan dalam butiran 9 dan 10 di atas.

(b) Apabila bola menjadi mati atas alasan apa pun selain dari jatuhnya wicket, atau dibuat panggilan mati oleh pengadil, kecuali jika sebaliknya ada syarat tertentu dalam Undang-undang tersebut, pihak pemukul hendaklah dikreditkan dengan

(i) semua larian yang diselesaikan oleh pemukul sebelum kejadian atau panggilan tersebut, dan

(ii) larian yang sedang berlangsung jika pemukul telah merentas semasa kejadian atau panggilan. Walau bagaimanapun, perhatikan khususnya syarat-syarat Undang-undang 34.4(c) (Larian yang dibenarkan dari bola yang dipukul secara sah lebih dari sekali), dan 42.5(b)(ii) (Gangguan atau halangan pemukul yang disenghajakan), dan

(iii) Sebarang penalti yang boleh dikenakan.

12. Pemukul kembali ke wicket yang ditinggalkannya

(a) Jika, pemukul merentas secara berlari semasa bola masih dalam permainan, tiada sesiapa pun yang dibenarkan kembali ke wicket yang ditinggalkannya, kecuali seperti dalam butiran (b) di bawah

(b) Pemukul hendaklah kembali ke wicket yang ditinggalkan pada mulanya dalam hal, dan hanya dalam hal

(i) sempadan;

(ii) larian yang tidak dibenarkan atas sebarang alasan;

(iii) penyingkiran pemukul, kecuali dalam butiran 9(b) di atas.

UDANG-UDANG 19 SEMPADAN

1. Sempadan bagi padang permainan

(a) Sebelum undian, pengadil hendaklah mempersetujui sempadan padang permainan dengan kedua-dua ketua pasukan. Sempadan hendaklah jika boleh ditanda di sepanjang keseluruhan kawasan.

(b) Sempadan hendaklah dipersetujui supaya tidak ada sebarang tirai yang termasuk dalam padang permainan.

- (c) Rintangan atau orang dalam padang permainan tidak dianggap sebagai sempadan kecuali apabila diputuskan sedemikian oleh pengadil sebelum undian. Lihat Undang-Undang 3.4(ii) (Memaklumkan ketua pasukan dan pencatat).

2. Menentukan sempadan - penandaan sempadan

- (a) Sempadan hendaklah ditanda dengan menggunakan garisan atau tali putih yang diletakkan di atas padang jika dapat dilaksanakan.
- (b) Jika sempadan ditanda dengan garisan putih,
- (i) di bahagian dalam tepi garisan hendaklah menjadi tepi sempadan.
 - (ii) bendera, tiang atau papan yang digunakan semata-mata untuk menandakan kedudukan garisan yang ditandakan di atas padang mestilah ditempatkan di luar tepi sempadan dan tidak dianggap sebagai menentukan atau menandakan sempadan tersebut. Walau bagaimanapun, perhatikan peruntukan dalam butiran (c) di bawah.
- (c) Jika benda pejal digunakan untuk menandakan sempadan, ia mesti mempunyai tepi atau garisan untuk membentuk tepi sempadan.
- (i) Bagi seutas tali, termasuk sebarang benda yang serupa dengan keratan rentas melengkung yang diletakkan di atas padang, tepi sempadan tersebut adalah garisan yang dibentuk oleh titik yang paling terkedalaman di sepanjang tali tersebut.
 - (ii) Bagi sebuah pagar, termasuk sebarang benda yang serupa yang bersentuhan dengan padang, tapi dengan permukaan yang rata yang didirikan di atas padang, tepi sempadan adalah garisan dasar pagar tersebut.
- (d) Jika tepi sempadan tersebut tidak ditentukan seperti dalam butiran (b) atau (c) di atas, pengadil dan ketua pasukan mesti bersetuju tentang garisan mana yang menjadi tepi sempadan sebelum undian. Jika tidak ada tanda fizikal untuk bahagian sempadan, tepi sempadan adalah dua garis lurus tidak nyata yang menghubungkan dua titik terdekat yang ditandakan bagi tepi sempadan.
- (e) Jika benda pejal digunakan untuk menandakan sempadan diganggu semasa permainan atas sebarang alasan pun, jika boleh ia hendaklah dikembalikan semula ke tempat asalnya sebaik sahaja bola mati. Jika ini tidak dapat dilakukan, maka
- (i) jika sebahagian dari pagar atau penanda lain termasuk dalam padang permainan, bahagian tersebut hendaklah diletakkan semula ke tempat asalnya sebaik sahaja bola mati.
 - (ii) di tempat asal terletaknya garisan di bahagian bawah pagar atau penanda tersebut menentukan tepi sempadan.

3. Mencatat sempadan

- (a) Sempadan hendaklah dicatat dan ditanda oleh pengadil di kawasan pembaling apabila, semasa bola masih dalam permainan, menurut pendapatnya
- (i) bola menyentuh sempadan, atau terkeluar sempadan.
 - (ii) pemandang, dengan sebahagian anggota orangnya terkena bola, bersentuhan dengan sempadan atau sebahagian anggota orangnya terkeluar dari sempadan.
- (b) Frasa "bersentuhan dengan sempadan" dan "menyentuh sempadan" adalah bermaksud bersentuhan dengan sama ada
- (i) tepi sempadan seperti yang ditetapkan dalam butir 2 di atas, atau
 - (ii) mana-mana orang atau rintangan dalam padang permainan yang telah ditentukan sebagai sempadan oleh pengadil sebelum undian.
- (c) Frasa "terkeluar sempadan" adalah bermaksud bersentuhan dengan sama ada
- (i) sebarang bahagian garisan atau benda pejal yang menandakan sempadan, kecuali tepi sempadan tersebut, atau
 - (ii) padang di luar tepi sempadan, atau

(iii) sebarang benda yang bersentuhan dengan padang di luar tepi sempadan.

4. Larian yang dibenarkan bagi sempadan

- (a) Sebelum undian, pengadil hendaklah bersetuju dengan kedua-dua ketua pasukan tentang larian yang dibenarkan bagi sempadan. Dalam membuat keputusan kelonggaran bagi sempadan, pengadil dan ketua pasukan hendaklah berpandukan adat padang yang lazim.
- (b) Kecuali jika dipersetujui dengan cara berbeza di bawah butiran (a) di atas, kelonggaran bagi sempadan hendaklah Enam (6) Larian jika bola telah dipukul menggunakan kayu pukul terkeluar dari sempadan, tetapi jika tidak Empat (4)Larian. Kelonggaran ini hendaklah masih dikenakan walaupun bola telah menyentuh pemandang sebelumnya. Lihat juga butiran (c) di bawah.
- (c) Bola hendaklah dianggap sebagai dibaling di luar sempadan dan Enam (6) Larian hendaklah dicatat jika pemandang
 - (i) mempunyai orang yang tersentuh bola di mana-mana bahagian anggotanya atau terkeluar dari sempadan apabila dia menangkap bola tersebut.
 - (ii) menangkap bola tersebut dan seterusnya menyentuh sempadan atau terkeluar mana-mana bahagian anggotanya dari sempadan semasa membawa bola tetapi sebelum menyelesaikan tangkapan. Lihat Undang-undang 32 (Tangkapan).

5. Larian yang dicatat

Apabila sempadan telah dicatat

- (a) penalti bagi Balingan Batal atau Lampau Jarak, jika dikenakan, hendaklah berkuat kuasa bersama dengan sebarang penalti di bawah sebarang Undang-undang 2.6 (Pemain kembali tanpa kebenaran), 18.5(b) (Larian Batal yang disenghajakan) atau 42 (Permainan wajar atau tidak wajar) yang dikenakan sebelum sempadan dicatat.
- (b) pihak pemukul, kecuali dalam keadaan dalam butiran 6 di bawah, selain itu adalah diberikan yang mana lebih besar
 - (i) kelonggaran bagi sempadan.
 - (ii) Larian yang diselesaikan oleh pemukul, serta larian yang sedang berlangsung jika mereka telah merentasi pada masa sempadan dicatat.

Apabila larian melebihi kelonggaran sempadan, mereka hendaklah menggantikan sempadan tersebut bagi tujuan Undang-Undang 8.12 (Pemukul kembali ke wicket yang ditinggalkannya).

6. Lampau sasar atau tindakan senghaja pemandang

Jika keputusan sempadan sama ada dari Lampau Sasar atau dari tindakan senghaja pemandang, larian yang dicatat hendaklah

- (i) penalti bagi Balingan Batal atau Lampau Jarak, jika dikenakan, dan penalti di bawah sebarang Undang-undang 2.6 (Pemain kembali tanpa kebenaran), 18.5(b) (Larian batal yang disenghajakan) atau 42 (Permainan wajar dan tidak wajar) yang dikenakan sebelum sempadan dicatat, dan
- (ii) kelonggaran sempadan tersebut, dan
- (iii) larian yang diselesaikan oleh pemukul, bersama dengan larian yang sedang berlangsung jika mereka telah merentas sebaik sahaja balingan atau tindakan tersebut.

Undang-Undang 18.12(a) (Pemukul kembali ke wicket yang ditinggalkannya) boleh dikenakan sebaik sahaja balingan atau tindakan tersebut.

UDANG-UDANG 20 BOLA HILANG

1. Pemadang membuat panggilan bola hilang

Apabila bola dalam permainan tidak dapat dicari atau ditemui, sebarang pemadang boleh membuat panggilan Bola Hilang. Lihat Undang-Undang 23.1 (Bola mati). Undang-Undang 18.12(a) (Pemukul kembali ke wicket yang ditinggalkannya) boleh dikenakan sebaik sahaja panggilan tersebut dibuat.

2. Bola yang akan digantikan

Para pengadil hendaklah menggantikan bola tersebut dengan yang baru yang sebanding pemakaianya dengan bola yang sebelum ini sebelum ia hilang atau tidak dapat dijumpai. Lihat Undang-Undang 5.5 (Bola hilang atau menjadi tidak sesuai untuk permainan).

3. Larian yang dicatat

(a) Penalti bagi Balingan Batal atau Lampau Jarak, jika dikenakan, hendaklah berkuat kuasa, bersama sebarang penalti di bawah sebarang Undang-undang 2.6 (Pemain kembali tanpa kebenaran), 18.5(b) (Larian Batal yang disenghajakan) atau 42 (Permainan wajar dan tidak wajar) yang dikenakan sebelum panggilan Bola Hilang.

(b) Selain itu, pihak pemukul hendaklah diberikan sama ada

(i) Larian yang diselesaikan oleh pemukul, bersama dengan larian yang sedang berlangsung jika mereka telah merentas sebaik sahaja panggilan tersebut dibuat, atau

(ii) Larian enam (6),

mana-mana yang lebih banyak.

4. Cara mencatat

Jika terdapat satu larian penalti bagi Balingan Batal atau Lampau Jarak, ia hendaklah dicatat sebagai Balingan Batal tambahan atau sebagai Lampau Jarak sebagaimana yang bersesuaian. Lihat Undang-Undang 24.13 (Larian yang disebabkan oleh Larian batal – cara mencatat) dan 25.6 (Larian yang disebabkan oleh Lampau jarak – cara mencatat). Jika sebarang penalti lain telah diberikan kepada mana-mana pihak, ia hendaklah dicatat sebagai penalti tambahan. Lihat Undang-Undang 42.17 (Larian Penalti).

Larian ke pihak pemukul dalam butiran 3(b) di atas hendaklah dikreditkan kepada pemukul jika bola telah dipukul dengan kayu pemukul, tetapi jika tidak ia dikreditkan ke jumlah Larian Percuma, Larian Sentuhan Percuma, Balingan Batal atau Lampau Jarak mengikut keadaan.

UDANG-UDANG 21 KEPUTUSAN

1. Kemenangan – perlawanan dua ining

Pihak yang menskor keseluruhan larian yang melebihi jumlah yang diskor oleh pihak lawan bagi dua ining penuh adalah pemenang perlawanan. Perhatikan juga butiran 6 di bawah.

Ining yang hilang adalah dikira sebagai ining yang telah diselesaikan. Lihat Undang-Undang 14 (Pengisytiharan dan kehilangan hak)

2. Kemenangan – perlawanan satu ining

Pihak yang menskor larian dalam satu iningnya melebihi jumlah larian yang diskor oleh pihak lawan dalam satu ining penuhnya adalah pemenang perlawanan. Perhatikan juga butiran 6 di bawah.

3. Para pengadil memberikan kemenangan perlawanan

- (a) Satu ketewasan dalam perlawanan bagi satu pihak yang sama ada
 - (i) menyerah kalah, atau
 - (ii) menurut pendapat pengadil, menolak untuk bermain dan pengadil hendaklah memberikan kemenangan perlawanan kepada pihak lawan.
- (b) Apabila seorang pengadil menganggap tindakan salah seorang pemain atau lebih mungkin merupakan satu penolakan untuk bermain oleh mana-mana pihak, maka pengadil hendaklah bersama-sama memastikan sebab tindakan tersebut. Jika mereka bersama-sama memutuskan yang tindakan ini merupakan penolakan untuk bermain bagi satu pihak, mereka hendaklah memaklumkan ketua pasukan pihak tersebut. Jika ketua pasukan tetap dengan tindakan tersebut, pengadil hendaklah memberikan kemenangan perlawanan mengikut butiran (a)(ii) di atas.
- (c) Jika tindakan seperti dalam butiran (b) di atas berlaku selepas permainan bermula dan tidak merupakan penolakan untuk bermain
 - (i) masa permainan yang hilang hendaklah dihitung dari permulaan tindakan tersebut sehingga permainan dimulai semula, tertakluk pada Undang-Undang 15.5 (Mengubah waktu rehat yang telah dipersetujui).
 - (ii) masa untuk penutupan permainan pada hari tersebut hendaklah dilanjutkan mengikut tempoh masa ini, tertakluk pada Undang-Undang 3.9 (Penangguhan permainan bagi keadaan tanah, cuaca dan cahaya yang buruk).
 - (iii) jika berkenaan, tidak ada over yang dipotong semasa jam akhir perlawanan emata-mata kerana masa tersebut.

4. Seri (Persamaan Mata)

Hasil perlawanan hendaklah menjadi Seri apabila jumlah mata adalah sama ketika berakhirnya permainan, tetapi hanya jika pihak pemukul yang terakhir telah menyelesaikan iningnya.

5. Perlawanan Seri

Perlawanan yang ditamatkan, seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang 16.9 (Penamatan perlawanan), tanpa ditentukan dengan apa cara pun yang dinyatakan dalam butiran 1, 2, 3 atau 4 di atas, hendaklah dikira sebagai Seri.

6. Menang pukulan atau tambahan

- (a) Sebaik sahaja keputusan dibuat, seperti yang dinyatakan dalam butiran 1, 2, 3 atau 4 di atas, perlawanan adalah ditamatkan. Tidak ada apa-apa yang berlaku selepas itu dianggap sebagai sebahagian daripadanya. Perhatikan juga butiran 9 di bawah.
- (b) Pihak pemukul yang terakhir akan menskorkan larian yang cukup untuk memenangi perlawanan hanya jika jumlah keseluruhan larian adalah mencukupi tanpa termasuk sebarang larian yang diselesaikan sebelum penyingkiran pemukul dengan penyempurnaan tangkapan atau dengan halangan tangkapan.
- (c) Jika sempadan dicatat sebelum pemukul tersebut menyelesaikan jumlah larian yang cukup untuk memenangi perlawanan, maka keseluruhan kelonggaran sempadan hendaklah dikreditkan ke jumlah mata pihak tersebut dan, dalam hal pukulan dengan kayu pemukul, ke jumlah mata penyerang.

7. Pernyataan keputusan

Jika pihak pemukul terakhir memenangi perlawanan, keputusannya hendaklah dinyatakan sebagai kemenangan dengan jumlah wicket yang masih ada untuk dijatuhkan.

Jika pihak sebelah memenangi perlawanan, keputusan hendaklah dinyatakan sebagai kemenangan dengan larian.

Jika perlawanan diputuskan dengan satu pihak menyerah kalah atau menolak untuk bermain, keputusan hendaklah dinyatakan sebagai Penyerahan Perlawanan atau Pemberian Perlawanan mengikut keadaan.

8. Ketepatan keputusan

Sebarang keputusan bagi ketepatan catatan adalah tanggungjawab pengadil. Lihat Undang-Undang 3.15 (Ketepatan catatan).

9. Kesilapan dalam catatan

Jika, setelah pengadil dan pemain meninggalkan padang dengan kepercayaan bahawa perlawanan telah ditamatkan, pengadil mendapati berlakunya kesilapan dalam catatan yang menjelaskan keputusan tersebut, maka tertakluk pada butiran 10 di bawah, mereka hendaklah mengambil prosedur berikut.

- (a) Jika, semasa pemain meninggalkan padang, pihak pemukul yang terakhir belum menyelesaikan iningnya, dan sama ada
- (i) jumlah over yang akan dibaling semasa jam akhir belum lagi diselesaikan, atau
 - (ii) waktu tamat yang dipersetujui belum lagi tiba,
- maka kecuali satu pihak menyerah kalah pengadil hendaklah mengarahkan permainan untuk disambung semula.

Jika keadaan mengizinkan, permainan akan disambung semula sehingga jumlah over yang ditentukan telah diselesaikan dan masa yang tinggal telah berlalu, kecuali jika keputusan telah dicapai lebih awal. Jumlah over dan masa yang tinggal hendaklah diambil seperti biasa semasa pemain meninggalkan padang.; tidak ada masa antara saat tersebut hingga waktu permainan disambung semula yang boleh diambil walau apa pun sebabnya.

- (b) Jika, semasa para pemain meninggalkan padang, over yang telah diselesaikan dan masa telah habis, atau jika pihak pemukul yang terakhir telah menyelesaikan iningnya, pengadil hendaklah memaklumkan kedua-dua ketua pasukan mengenai pembetulan yang perlu pada catatan dan keputusan tersebut sesegeranya.

10. Keputusan tidak diubah

Sebaik sahaja para pengadil bersetuju dengan pencatat akan ketepatan keputusan semasa tamat perlawanan – lihat Undang-Undang 3.15 (Ketepatan catatan) dan 4.2 (Ketepatan catatan) – keputusan tidak boleh ditukar selepas itu.

UDANG-UDANG 22 OVER

1. Jumlah bola

Bola hendaklah dibaling dari setiap wicket secara bersilih-ganti dalam over 6 bola.

2. Permulaan over

Over bermula apabila pembaling memulakan lariannya atau, jika ia tidak ada larian, tidakan balingannya bagi balingan pertama over tersebut.

3. Panggilan Over

Apabila 6 bola telah dibaling selain dari yang tidak dikira dalam over dan kerana bola menjadi mati – lihat Undang-undang 23 (Bola mati) – pengadil hendaklah membuat panggilan Over sebelum meninggalkan wicket.

4. Bola tidak dikira dalam over

- (a) Bola tidak dikira sebagai salah satu dari 6 bola dalam over kecuali sesudah ia dibaling, walaupun pemukul disingkirkan atau kejadian lain berlaku sebelum bola dibaling.
- (b) Bola yang dibaling oleh pembaling adalah tidak dikira sebagai salah satu dari 6 bola dalam over
 - (i) jika ia dipanggil mati, atau dianggap mati, sebelum pemukul berpeluang untuk memainkannya. Lihat Undang-Undang 23 (Bola Mati).
 - (ii) jika ia adalah Balingan Batal. Lihat Undang-Undang 24 (Balingan Batal).
 - (iii) jika ia adalah Lampau Jarak. Lihat Undang-Undang 25 (Lampau Jarak).
 - (iv) jika ia dipanggil mati dalam keadaan dari sama ada Undang-Undang 23.3(vi) (Pengadil membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati) atau 42.4 (Percubaan untuk menganggu pemukul dengan sengaja).

5. Pengadil salah kira

Jika pengadil salah kira jumlah bola, over yang dikira oleh pengadil adalah tidak berubah.

6. Pembaling bertukar kawasan

Pembaling adalah dibenarkan untuk bertukar kawasan sekerap yang diinginkan, dengan syarat hanya jika dia tidak membaling dua over, atau sebahagiannya, secara berturut-turut dalam ining yang sama.

7. Menamatkan over

- (a) Selain dari di penghujung ining, pembaling hendaklah menamatkan over yang sedang berlangsung kecuali ia tidak berupaya, atau ia digantung di bawah sebarang Undang-undang 17.1 (Latihan di Padang), 42.7 (Balingan Merbahaya dan Tidak Wajar – Tindakan Pengadil), 42.9 (Pembuangan Masa oleh Pihak Pemandang), atau 42.12 (Pembaling Berlari di Kawasan yang Dilindungi Selepas Membaling Bola).
- (b) Jika atas alasan apa pun, selain dari tamatnya ining, over yang ditinggalkan tidak diselesaikan pada permulaan waktu rehat atau gangguan permainan, ia hendaklah diselesaikan semasa permainan disambung semula.

8. Pembaling Tidak Berupaya atau Digantung Semasa Over

Jika atas alasan apa pun pembaling tidak berupaya semasa berlari untuk membaling bola pertama bagi satu over, atau tidak berupaya atau digantung semasa over, pengadil hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Bola Mati. Pembaling yang lain hendaklah menyelesaikan over tersebut dari kawasan yang sama, dengan syarat dia tidak membaling dua over, atau sebahagiannya, secara berturut-turut dalam satu ining.

UDANG-UDANG 23 BOLA MATI

1. Bola mati

- (a) Bola menjadi mati apabila
 - (i) ia berada di tangan penjaga wicket atau pembaling.
 - (ii) sempadan dicatat. Lihat Undang-undang 19.3 (Mencatat sempadan)
 - (iii) pemukul disingkirkan.
 - (iv) sama ada dimainkan atau tidak, ia terperangkap antara kayu pemukul dan pemukul atau di celah barang yang dipakai atau kelengkapannya.
 - (v) sama ada dimainkan atau tidak, ia terbenam dalam pakaian atau kelengkapan pemukul atau pakaian pengadil.
 - (vi) ia terbenam dalam topi keledar yang dipakai oleh ahli pihak pemandang.
 - (vii) terdapat pelanggaran pada sama ada Undang-Undang 41.2 (Menahan Bola) atau 41.3 (Topi keledar kepunyaan pihak pemandang).
 - (viii) ada pemberian larian penalti di bawah Undang-Undang 2.6 (Pemain kembali tanpa kebenaran).
 - (ix) Panggilan Bola Hilang dibuat. Lihat Undang-Undang 20 (Bola Hilang).
 - (x) Pengadil membuat panggilan bagi Over atau Masa Tamat.
- (b) Bola dianggap menjadi mati apabila jelas kepada pengadil di kawasan pembaling bahawa pihak pemandang dan kedua-dua pemukul di wicket telah berhenti dari menganggapnya sebagai dalam permainan.

2. Bola akhirnya menetap

Sama ada bola akhirnya menetap atau tidak adalah suatu perkara bagi pengadil sendiri untuk memutuskan.

3. Pengadil membuat panggilan dan mengisyaratkan Bola Mati

- (a) Semasa bola menjadi mati di bawah butiran 1 di atas, pengadil di kawasan pembaling boleh membuat panggilan Bola Mati, jika perlu, memaklumkan kepada pemain.
 - (b) Mana-mana pengadil hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Bola Mati apabila
 - (i) ia campur tangan dalam kes permainan tidak wajar.
 - (ii) pemain atau pengadil cedera parah.
 - (iii) ia meninggalkan tempat biasanya bagi perundingan.
 - (iv) satu atau kedua-dua anak pancang jatuh dari wicket pemukul sebelum ia berpeluang untuk memainkan bola.
 - (v) ia yakin atas alasan yang cukup bahawa penyerang tidak bersedia bagi balingan bola dan jika bola dibaling, tidak membuat percubaan untuk memainkannya.
 - (vi) pemukul diganggu oleh sebarang bunyi atau gerakan atau dengan sebarang cara yang lain semasa dia sedang bersedia untuk menyambut atau sedang menyambut balingan. Ini hendaklah berkenaan sama ada punca gangguan datang dari dalam atau luar permainan. Walau bagaimanapun, perhatikan syarat-syarat dalam Undang-Undang 42.4 (Percubaan untuk mengganggu pemukul dengan sengaja).
- Bola tidak boleh dikira sebagai salah satu dari over.
- (vii) pembaling menjatuhkan bola secara tidak sengaja sebelum balingan.
 - (viii) bola tidak lepas dari tangan pembaling atas alasan apa pun selain dari percubaan untuk menyisihkan pemukul menanti sebelum melakukan langkah balingannya. Lihat Undang-Undang 42.15 (Pembaling cuba untuk menyisihkan pemukul menanti sebelum balingan).

(ix) dia diperlukan melakukan sedemikian di bawah sebarang Undang-undang ini.

4. **Bola tidak menjadi mati**

Bola tidak menjadi mati – iaitu, bola masuk permainan – apabila pembaling memulakan lari landas lari atau jika dia tidak ada landas lari, tindakan balingan.

5. **Tindakan atas panggilan Bola Mati**

- (a) Bola tidak dikira sebagai salah satu dari over jika ia menjadi mati atau dianggap mati sebelum pemukul berpeluang untuk memainkannya.
 - (b) Jika bola menjadi mati atau dianggap mati selepas pemukul berpeluang untuk memainkannya, kecuali dalam keadaan dari butir 3(vi) di atas dan Undang-Undang 42.4 (Percubaan untuk mengganggu pemukul dengan sengaja), tidak ada balingan tambahan yang dibenarkan kecuali ada panggilan Balingan Batal atau Lampau Jarak.
-

UDANG-UDANG 24 BALINGAN BATAL

1. **Cara Baling**

- (a) Pengadil hendaklah memastikan sama ada pembaling bermaksud untuk membaling dengan tangan kanan atau tangan kiri, di atas atau sekeliling wicket, dan hendaklah juga memaklumkan penyerang.
Tidaklah wajar jika pembaling gagal untuk memberitahu pengadil atas perubahan dalam cara balingannya. Jika demikian halnya, pengadil hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal.
- (b) Balingan parus rusuk hendaklah tidak dibenarkan kecuali dengan persetujuan khas sebelum perlawanan.

2. **Balingan wajar - lengan**

Untuk membuat balingan yang wajar dari segi lengan, bola mestilah tidak dilemparkan. Lihat butiran 3 di bawah.

Meskipun memastikan kewajaran balingan dari segi ini adalah tanggungjawab utama pengadil di kawasan penyerang, tidak ada apa-apa pun dalam Undang-undang ini yang menghalang pengadil di kawasan pembaling dari membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal jika ia menganggap bahawa bola tersebut telah dilemparkan.

- (a) Jika, pada pendapat mana-mana pengadil, bola telah dilemparkan, dia hendaklah
 - (i) membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal.
 - (ii) memberi amaran kepada pembaling, apabila bola sudah mati. Amaran ini dikenakan sepanjang ining tersebut.
 - (iii) memaklumkan pengadil lain, pemukul di wicket, ketua pasukan pihak pemadang dan, sebaik sahaja dapat dilaksanakan, ketua pasukan pihak pemukul mengenai apa yang telah berlaku.
- (b) Jika mana-mana pengadil menganggap bahawa selepas amaran sedemikian balingan selanjutnya oleh pembaling yang sama dalam ining tersebut dibaling, pengadil yang berkenaan hendaklah mengulang semula prosedur yang dinyatakan dalam butir (a) di atas, menunjukkan kepada pembaling yang ini adalah amaran terakhir. Amaran ini hendaklah juga dikenakan sepanjang ining tersebut.

- (c) Jika mana-mana pengadil menganggap bahawa balingan selanjutnya oleh pembaling yang sama dalam ining tersebut telah dilemparkan,
- (i) pengadil berkenaan hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal. Jika bola itu mati dia hendaklah memaklumkan pengadil lain, para pemukul di wicket, dan sebaik sahaja dapat dilaksanakan, ketua pasukan pihak pemukul tentang apa yang telah berlaku.
 - (ii) pengadil di pihak pembaling hendaklah mengarahkan ketua pasukan pihak pemadang untuk membawa pembaling keluar dengan serta merta. Over tersebut hendaklah diselesaikan oleh pembaling lain, yang tidak pernah membaling dalam over sebelumnya dan tidak pula dibenarkan membaling di over yang berikutnya. Pembaling yang dikeluarkan tersebut tidak boleh membaling lagi dalam ining tersebut.
 - (iii) pengadil bersama-sama hendaklah melaporkan kejadian tersebut sesegera mungkin kepada Eksekutif bagi pihak pemadang dan sebarang Badan Yang Mengawal yang bertanggungjawab bagi perlawanan tersebut, yang akan mengambil tindakan yang dianggap wajar terhadap ketua pasukan dan pembaling berkenaan.

3. **Definisi bagi balingan wajar – lengan**

Bola dibaling secara wajar menggunakan lengan jika, sebaik sahaja lengan pembaling mencapai paras bahu dalam ayunan balingan, sendi siku tidak diluruskan sebahagiannya atau sepenuhnya dari ketika itu sehingga bola tersebut telah lepas dari tangan. Definisi ini tidak menghalang pembaling dari menggerak-gerakkan atau memutar-mutar pergelangan tangan dalam ayunan balingan.

4. **Pembaling membaling ke kawasan penyerang sebelum balingan**

Jika pembaling membaling bola ke kawasan penyerang sebelum memasuki langkah balingannya, mana-mana pengadil hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal. Lihat Undang-undang 42.16 (Para pembaling mencuri larian). Walau bagaimanapun, prosedur tersebut yang dinyatakan dalam butiran 2 di atas mengenai amaran, pemakluman, amaran terakhir, tindakan terhadap pembaling dan melaporkan adalah tidak dikenakan.

5. **Balingan wajar – kaki**

Bagi balingan yang wajar dari segi kaki, semasa langkah balingan

- (i) kaki belakang pembaling mestilah berada di bahagian dalam dan tidak menyentuh garis had.
- (ii) kaki hadapan pembaling mestilah berada bersama bahagian lain kaki, sama ada berpijak atau bergantung, di belakang garis pukul.

Jika pengadil di kawasan pembaling tidak berpuas hati yang kedua-dua keadaan ini telah dipenuhi, dia hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal.

6. **Bola melambung lebih dari dua kali atau bergolek-golek di atas padang**

Pengadil di kawasan pembaling hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal jika bola yang dianggapnya sudah dibaling, tanpa sebelumnya menyentuh kayu pemukul atau penyerang, sama ada

- (i) melambung lebih dari dua kali, atau
 - (ii) bergolek di atas padang
- sebelum bola tersebut mencapai garis pukul.

7. **Bola berhenti di hadapan wicket penyerang**

Jika bola yang dibaling oleh pembaling berhenti di hadapan garisan wicket penyerang, tanpa menyentuh kayu pemukul atau penyerang, pengadil hendaklah membuat panggilan dan

mengisyaratkan Balingan Batal dan membuat panggilan dan mengisyaratkan Bola Mati sesegeranya.

8. Panggilan Balingan Batal bagi pelanggaran Undang-undang lain

Selain dari contoh-contoh di atas, pengadil hendaklah membuat panggilan dan mengisyaratkan Balingan Batal seperti yang diperlukan oleh Undang-undang berikut.

Undang-Undang 40.3 –	Kedudukan penjaga wicket
Undang-Undang 41.5 –	Pengehadan bagi pemadang
Undang-Undang 41.6 –	Pemadang tidak dibenarkan masuk ke lapangan tengah
Undang-Undang 42.6 –	Balingan berbahaya dan tak wajar
Undang-Undang 42.7 –	Balingan berbahaya dan tak wajar – tindakan pengadil
Undang-Undang 42.8 –	Balingan bola lantun tinggi dengan sengaja

9. Membatalkan panggilan Balingan Batal

Pengadil hendaklah membatalkan panggilan Balingan Batal jika bola tidak lepas dari tangan pembaling atas alasan apa pun.

10. Balingan batal mengatasi Lampau Jarak

Panggilan Balingan Batal mengatasi panggilan Lampau Jarak pada bila-bila masa sahaja. Lihat Undang-undang 25.1 (Menilai Lampau Jarak) dan Undang-Undang 25.3 (Membuat panggilan dan mengisyaratkan bola Lampau Jarak).

11. Bola tidak mati

Bola tidak menjadi mati semasa panggilan Balingan Batal.

12. Penalti bagi Balingan Batal

Satu larian penalti hendaklah diberikan serta merta semasa panggilan Balingan Batal. Kecuali panggilan dibatalkan, penalti ini hendaklah tidak berubah walaupun pemukul disingkirkan. Ini adalah tambahan pada sebarang larian lain yang dicatat, sebarang kelonggaran sempadan dan sebarang penalti lain yang diberikan.

13. Larian yang disebabkan oleh Balingan Batal – cara mencatat

Penalti satu larian bagi Balingan Batal hendaklah dicatat sebagai Balingan Batal tambahan. Jika larian penalti lain telah diberikan kepada salah satu pihak, ini hendaklah dicatat seperti dalam Undang-undang 42.17 (Larian penalti). Sebarang larian yang diselesaikan oleh pemukul atau kelonggaran sempadan hendaklah dikreditkan kepada penyerang jika bola telah dipukul dengan kayu pemukul; jika tidak ia hendaklah juga dicatatkan sebagai Balingan Batal tambahan.

Selain dari sebarang pemberian 5 larian penalti, semua larian yang disebabkan Balingan Batal, sama ada Balingan Batal tambahan atau yang dikreditkan kepada penyerang, hendaklah didebitkan dari pembaling. Selain daripada diberikan 5 Larian Penalti, semua larian akibat Balingan Batal, sama ada sebagai Balingan Batal tambahan atau dikreditkan kepada penyerang, hendaklah didebitkan kepada pembaling.

14. Balingan Batal tidak dikira

Balingan batal hendaklah tidak dikira sebagai salah satu dari over. Lihat Undang-Undang 22.4 (Bola tidak dikira dalam over).

15. Keluar daripada Balingan Batal

Apabila balingan batal dipanggil, tidak ada pemukul yang boleh keluar di bawah sebarang Undang-undang yang ada kecuali Undang-undang 33 (Mati pegang bola), Undang-undang 34 (Mati pukul berkali), Undang-undang 37 (Mati halang) atau Undang-undang 38 (Mati lari).

UDANG-UDANG 25 BOLA LAMPAU JARAK 'WIDE BALL'

1. Memutuskan lampau jarak

- (a) Apabila pembaling membaling bola yang, bukan balingan batal, pengadil hendaklah memutuskannya sebagai lampau jarak jika, menurut definisi dalam butiran (b) di bawah, pengadil menganggap bola melintasi lampau jarak penyerang ditempat dia berdiri dan juga akan melangkaui lampau jaraknya berdiri dalam kedudukan mengawal yang normal.
- (b) Bola akan dianggap sebagai melangkaui lampau jarak pemukul kecuali bola berada dalam jangkauan yang mencukupi yang membolehkan pemukul untuk membuat pukulan dengan pukulan kriket yang normal.

2. Balingan yang bukan Lampau Jarak

Pengadil hendaklah tidak memutuskan satu balingan sebagai Lampau Jarak

- (a) Jika pemukul, dengan bergerak,
sama ada
 - (i) menyebabkan bola yang melintasinya lampau jarak, seperti yang didefinisikan dalam butiran 1 (b) di atas,
atau
 - (ii) Membawa bola dalam jangkauan yang mencukupi bagi membolehkannya membuat pukulan dengan pukulan kriket yang biasa. .
- (b) Jika bola menyentuh kayu pukul penyerang atau orang.

3. Panggilan dan isyarat Bola Lampau Jarak

- (a) Jika pengadil memutuskan satu balingan sebagai lampau jarak, pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat yang bola lampau jarak sebaik saja bola melintasi wicket penyerang. Bagaimanapun, bola hendaklah dianggap telah lampau jarak dari saat balingan, walaupun ia tidak boleh dikatakan lampau jarak sehingga bola melintasi wicket penyerang.
- (b) Pengadil hendaklah membatalkan panggilan Bola Lampau Jarak jika kemudian bola menyentuh kayu pukul penyerang atau orang.
- (c) Pengadil hendaklah membatalkan panggilan tentang Bola Lampau Jarak jika balingan dipanggil sebagai Balingan batal. Lihat Undang-Undang 24.10 (Balingan batal bagi mengatasi Lampau Jarak).

4. Bola belum mati

Bola tidak menjadi Mati pada panggilan Bola Lampau Jarak.

5. Penalti untuk Lampau Jarak

Penalti satu larian hendaklah diberikan dengan segera semasa panggilan Bola Lampau Jarak. Kecuali panggilan dibatalkan (lihat butiran 3 di atas), penalti ini tetap diberikan walaupun pemukul telah dikeluarkan, dan ini akan menjadi tambahan pada larian lain, sebarang kelonggaran sempadan dan penalti lain yang diberikan.

6. Larian hasil daripada Lampau Jarak – Cara catat

Semua larian yang diselesaikan oleh pemukul atau kelonggaran sempadan, bersama dengan penalti bagi lampau jarak hendaklah dikira sebagai Bola lampau jarak. Selain daripada mana-mana 5 larian penalti yang diberikan, semua larian akibat lampau jarak hendaklah didebitkan kepada pembaling.

7. Lampau Jarak yang tidak dikira

Lampau jarak hendaklah tidak dikira sebagai salah satu daripada over. Lihat Undang-Undang 22.4 (Bola tidak dikira dalam over).

8. Keluar daripada Lampau Jarak

Apabila bola lampau jarak dipanggil, tidak ada pembaling boleh keluar di bawah sebarang Undang-undang yang ada kecuali Undang-Undang 33 (Mati pegang bola), Undang-Undang 35 (Mati kena wicket), Undang-Undang 37 (Mati halang) atau Undang-Undang 38 (Mati lari) atau Undang-Undang 39 (Kayu pancang).

UDANG-UDANG 26

LARIAN PERCUMA DAN LARIAN SENTUHAN PERCUMA

1. Larian Percuma

Jika bola, bukan Balingan batal atau Lampau jarak, melintasi penyerang tanpa menyentuh kayu pukul atau orang, sebarang larian yang diselesaikan oleh pemukul atau kelonggaran sempadan dikreditkan sebagai larian percuma kepada pihak pemukul.

2. Larian Sentuhan Percuma

- (a) Jika bola, tidak menyentuh kayu pukul penyerang, mengenai orang dan pengadil yakin yang pemukul telah,
sama ada
 - (i) cuba memukul bola dengan kayu pukulnya, atau
 - (ii) cuba mengelak daripada terkena bola.kemudian mana-mana larian yang diselesaikan oleh pemukul atau kelonggaran sempadan akan dikereditkan kepada pihak pemukul sebagai larian sentuhan percuma, kecuali Balingan batal dipanggil.
- (b) Jika Balingan batal dipanggil, larian dalam butiran (a) di atas, bersama dengan penalti untuk balingan batal hendaklah dicatat sebagai Balingan batal ekstra.

3. Larian Sentuhan Percuma tidak diberikan

Jika dalam keadaan butiran 2 (a) di atas pengadil menganggap kedua-dua keadaan (i) dan (ii) tidak sesuai, maka Larian Sentuhan Percuma tidak akan diberikan. Pihak pemukul hendaklah tidak dikreditkan dengan sebarang larian daripada balingan itu selain daripada penalti satu larian untuk bola lampau jarak jika boleh digunakan. Lagipun, tiada penalti lain akan diberikan kepada pihak pemukul apabila bola telah mati. Lihat Undang-Undang 42.17 (Larian Penalti). Prosedur berikut hendaklah digunakan.

- (a) Jika tiada percubaan larian dibuat tetapi bola mencapai sempadan, pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Bola mati, dan menolak sempadan.
- (b) Jika percubaan larian dibuat dan jika

-
- (i) tiada pemukul yang dikeluarkan dan bola tidak menjadi mati atas sebarang alasan lain, pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Bola mati sebaik saja satu larian diselesaikan atau bola mencapai sempadan. Pemukul hendaklah kembali semula ke tempat asal. Larian atau sempadan tersebut hendaklah dibatalkan.
 - (ii) sebelum satu larian diselesaikan atau bola mencapai sempadan, seorang pemukul disingkirkan, atau bola menjadi mati atas sebarang alasan lain, semua peruntukan Undang-Undang akan dikenakan, kecuali tiada larian dan tiada penalti akan dikreditkan kepada pihak pemukul, selain daripada penalti untuk balingan batal jika dapat digunakan.
-

UDANG-UDANG 27

RAYUAN

1. Pengadil tidak membenarkan pemukul keluar tanpa rayuan

Tiada ada pengadil yang boleh membenarkan seorang pemukul keluar, walaupun dia boleh keluar menurut undang-undang, kecuali pihak pemandang merayu. Ini tidak menghalang seorang pemukul yang keluar menurut sebarang undang-undang daripada meninggalkan wicketnya tanpa membuat rayuan. Walau bagaimanapun, perhatikan peruntukan 7 di bawah.

2. Pemukul disingkirkan

Seorang pemukul disingkirkan jika, sama ada

- (a) dia dibenarkan keluar oleh seorang pengadil, atas rayuan atau
- (b) dia keluar di bawah sebarang Undang-undang dan meninggalkan wicketnya seperti butiran 1 di atas.

3. Masa Rayuan

Rayuan sah digunakan jika ia dibuat sebelum pembaling memulakan larian atau, jika dia tiada larian lagi, aksi balingannya untuk membaling bola berikutnya, dan sebelum Masa dipanggil.

Panggilan bagi Over tidak membantalkan rayuan yang dibuat sebelum Over berikutnya bermula dengan syarat Masa belum dipanggil. Lihat Undang-Undang 16.2 (Panggilan Masa) dan Undang-Undang 22.2 (Permulaan Over).

4. Rayuan “Bagaimana?”

Rayuan “Bagaiman?”, merangkumi semua cara untuk keluar.

5. Menjawab rayuan

Pengadil disudut pembaling hendaklah menjawab semua rayuan kecuali rayuan yang dibuat di luar dari Undang-Undang 35 (Mati Kena Wiket), 39 (Kayu Pancang) atau 38 (Mati Lari) apabila perkara ini terjadi pada wicket pemukul. Keputusan kekal oleh seorang pengadil hendaklah tidak menghalang pengadil lain untuk memberi keputusan dengan syarat setiap pengadil mempertimbangkan perkara yang dalam kuasanya sahaja.

Apabila seorang pemukul diberikan kekal, salah seorang pengadil boleh, di dalam bidang kuasanya, menjawab rayuan selanjutnya dengan syarat ia dibuat menurut butiran 3 di atas.

6. Perundingan pengadil

Setiap pengadil hendaklah menjawab rayuan mengenai perkara yang dalam bidang kuasanya. Jika seorang pengadil ragu mengenai sebarang hal yang pengadil lain mungkin berada di kedudukan yang lebih baik untuk melihat, maka dia hendaklah berunding mengenai hal ini

dengan pengadil tersebut dan kemudian membuat keputusan. Jika selepas berunding, masih ada keraguan keputusan hendaklah kekal.

7. Pemukul meninggalkan wicket kerana salah faham

Seorang pengadil hendaklah campur tangan jika dia yakin bahawa seorang pemukul, yang tidak dibenarkan keluar, meninggalkan wicketnya karena salah faham yang dia sudah keluar. Pengadil yang campur tangan hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati untuk mengekalkan sebarang tindakan lanjut oleh pihak pemandang dan memanggil balik pemukul.

8. Penarikan balik rayuan

Ketua pasukan pihak pemandang boleh menarik balik rayuan hanya dengan persetujuan pengadil yang di bawah bidang kuasanya jatuh rayuan tersebut dan sebelum pemukul yang keluar untuk bermain meninggalkan lapangan permainan. Jika persetujuan tersebut telah diberikan pengadil yang berkenaan hendaklah, jika boleh dilaksanakan, menarik balik keputusannya dan memanggil balik pemukul.

9. Keputusan Pengadil

Seorang pengadil boleh merubah keputusannya dengan syarat perubahan tersebut dibuat dengan segera. Hal ini selain dari, keputusan seorang pengadil, sebaik saja dibuat, adalah muktamad.

UDANG-UDANG 28

WIKET JATUH

1. Wiket dijatuhkan

(a) Wiket dijatuhkan jika anak pancang betul-betul telah dilepaskan daripada bahagian atas kayu pancang, atau kayu pancang dijatuhkan oleh

- (i) bola.
- (ii) Kayu pukul penyerang, sama ada dia masih memegang atau telah melepaskannya.
- (iii) orang penyerang atau oleh mana-mana bahagian pakaianya atau alat terlepas daripada orangnya.
- (iv) seorang pemandang, dengan tangan atau lengannya, dengan syarat bola dipegang dalam satu tangan atau kedua-dua tangan yang digunakan, atau dalam tangan dari lengan yang digunakan.

Wiket juga dijatuhkan jika seorang pemandang mencabut kayu pancang dengan cara yang sama.

(b) Gangguan pada anak pancang, sama ada sementara atau tidak, hendaklah tidak menyebabkan anak pancang terlepas sepenuhnya dari bahagian atas kayu pancang, tetapi jika anak pancang jatuh terbenam di antara dua kayu pancang ini hendaklah dianggap sebagai terlepas sempurna.

2. Satu anak pancang terlepas

Jika satu anak pancang terlepas, ia sudah mencukupi untuk menjatuhkan wicket bagi melepaskan anak pancang yang tinggal, atau menarik atau mencabut mana-mana tiga kayu pancang, dengan sebarang cara yang dinyatakan dalam butiran 1 di atas.

3. Mengembalikan Wiket

Jika wiket rosak atau dijatuhkan semasa bola dalam permainan, pengadil hendaklah tidak mengembalikan wiket sehingga bola mati. Lihat Undang-Undang 23 (Bola mati). Walau bagaimanapun, mana-mana pemandang boleh

- (i) mengganti satu atau lebih anak pancang di bahagian atas kayu pancang.
- (ii) meletakkan semula satu atau lebih kayu pancang ke tempat asal wiket didirikan.

4. Mengenepikan anak pancang

Jika pengadil bersetuju untuk mengenepikan anak pancang, menurut Undang-Undang 8.5 (Mengenepikan anak pancang), keputusan sama ada wiket telah dijatuhkan adalah terletak ditangan pengadil.

- (a) Selepas keputusan untuk bermain tanpa anak pancang dibuat, wiket dijatuhkan jika pengadil yang berkenaan berpuas hati bahawa wiket dipukul oleh bola, kayu pukul penyerang, orang atau item pakaian atau peralatan yang terlepas daripada orangnya seperti yang dinyatakan dalam butiran 1(a)(ii) atau 1(a)(iii) di atas, atau oleh seorang pemandang dengan tangan yang memegang bola atau dengan lengan dari tangan yang memegang bola.
- (b) Jika wiket rosak atau terjatuh, butiran (a) di atas hendaklah digunakan pada mana-mana kayu pancang atau kayu pancang yang masih di tanah. Mana-mana pemandang boleh meletakkan balik satu atau lebih anak pancang, menurut butiran 3 di atas, untuk mendapatkan satu peluang menjatuhkan wiket.

UDANG-UDANG 29 PEMUKUL BERADA DI LUAR KAWASANNYA

1. Apabila keluar dari kawasannya

Seorang pemukul hendaklah dianggap berada di luar kawasannya kecuali kayu pukulnya atau beberapa orangnya terkandas di belakang Garis Pukul di sudut itu.

2. Di manakah kawasan pemukul?

- (a) Jika hanya seorang pemukul yang berada dalam satu kawasan
 - (i) itu adalah kawasannya
 - (ii) tempat itu tetap menjadi kawasannya walaupun kemudian dia bergabung dengan pemukul lain di sana.
- (b) Jika kedua-dua pemukul berada di dalam kawasan yang sama dan salah seorang dari mereka kemudiannya meninggalkan tempat itu, butiran (a)(i) di atas digunakan.
- (c) Jika tiada pemukul pada salah satu kawasan, maka setiap kawasan dimiliki oleh mana-mana pemukul yang berada lebih dekat dengan kawasan tersebut, atau, jika pemukul berada di tempat yang sama, mana-mana pemukul yang lebih dekat kedudukannya sebelum itu.
- (d) Jika satu kawasan dimiliki oleh seorang pemukul maka, kecuali ada seorang pemukul dengan seorang pelari, kawasan yang lain dimiliki oleh pemukul lain tanpa mengira kedudukannya.
- (e) Apabila seorang pemukul dengan seorang pelari adalah penyerang, kawasannya adalah selalunya di sudut penjaga wiket. Walau bagaimanapun, butiran (a), (b), (c) dan (d) di atas akan tetap digunakan, tapi hanya untuk pelari dan pemukul menanti, supaya kawasan itu juga dimiliki oleh sama ada pemukul menanti atau pelari, mengikut keadaan.

3. Kedudukan Pemukul Menanti

Pemukul Menanti, apabila berdiri di sudut pembaling, hendaklah pada kedudukan yang bertentangan dengan wicket dari tempat bola dibaling, kecuali permintaan untuk melakukannya dengan cara sebaliknya dibenarkan oleh pengadil.

UDANG-UDANG 30 MATI BALING

1. Keluar Mati Baling

- (a) Penyerang adalah keluar mati baling jika wicketnya terjatuh oleh bola yang dibaling oleh pembaling, yang bukan balingan batal, walaupun ia mula-mula menyentuh kayu pukulnya atau orang.
- (b) Walaupun terdapat butiran (a) di atas dia hendaklah tidak Keluar Mati Baling jika sebelum memukul wicket bola menyentuh mana-mana pemain lain atau seorang pengadil. Walau bagaimanapun, dia akan tertakluk pada Undang-Undang 33 (Mati Pegang Bola), 37 (Mati Halang), 38 (Mati Lari) dan 39 (Mematikan).

2. Mati Baling lebih diutamakan

Penyerang adalah Mati Baling jika wicketnya terjatuh seperti dalam butiran 1 di atas, walaupun keputusan terhadapnya bagi sebarang kaedah penyingkiran lain akan dipertimbangkan.

UDANG-UDANG 31 MATI LAMPAU MASA

1. Keluar Mati Lampau Masa

- (a) Kecuali Masa telah dipanggil, pemukul yang akan masuk mestilah dalam kedudukan untuk membuat tanda kedudukan atau supaya pasangannya bersedia untuk menerima bola berikutnya dalam masa 3 minit dari terjatuhnya wicket sebelumnya. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, pemukul yang akan masuk akan keluar, Mati Lampau Masa.
- (b) Jika berlaku penundaan yang berlarutan yang tidak ada pemukul pergi ke wicket, para pengadil hendaklah menggunakan prosedur Undang-undang 21.3 (Pengadil Memberikan Perlawanan). Untuk tujuan undang-undang tersebut permulaan tindakan hendaklah diambil sebagai habis tempoh 3 minit seperti yang dirujuk di atas.

2. Pembaling tidak mendapat kredit

Pembaling tidak mendapat kredit bagi wicket.

UDANG-UDANG 32 MATI TANGKAP

1. Keluar Mati Tangkap

Penyerang adalah Keluar Mati Tangkap jika bola yang dibaling oleh pembaling, yang bukan balingan batal, menyentuh kayu pukulnya tanpa terlebih dahulu menyentuh mana-mana pemain

pihak pemandang dan kemudian ditangkap oleh seorang pemandang dengan tangkapan yang wajar sebelum bola menyentuh tanah.

2. Mati Tangkap lebih diutamakan

Jika kriteria butiran 1 di atas dipenuhi dan penyerang tidak keluar mati baling, maka dia adalah Keluar Mati Tangkap, walaupun keputusan terhadap salah seorang pemukul bagi kaedah lain penyingkirkan akan dipertimbangkan. Larian yang disempurnakan oleh pemukul sebelum tangkapan sempurna dilakukan tidak akan dicatat. Perhatikan juga Undang-Undang 21.6 (Pukulan Kemenangan atau Tambahan) dan Undang-Undang 42.17 (b) (Larian Penalti).

3. Tangkapan yang wajar

Tangkapan adalah dianggap dilakukan dengan wajar jika

- a) sepanjang tindakan membuat tangkapan
 - (i) mana-mana Pemandang yang terkena bola berada di dalam lapangan permainan. Lihat 4 di bawah.
 - (ii) bola tidak menyentuh mana-mana objek yang terkandas ke luar kawasan.
Tindakan membuat tangkapan bermula dari masa pemandang mula-mula memegang bola dan berakhir apabila pemandang dapat mengawal bola dan pergerakannya dengan sempurna.
- b) bola didekap oleh penangkap atau secara tidak sengaja masuk dalam pakaianya atau, dalam pad penjaga wicket. Walau bagaimanapun tangkapan tidak wajar jika bola tersangkut pada topi keledar pelindung yang dipakai oleh pemandang. Lihat Undang-undang 23 (Bola mati).
- c) bola tidak menyentuh tanah, walaupun tangan yang memegang bola menyentuh tanah untuk membuat tangkapan.
- d) seorang pemandang menangkap bola setelah bola dipukul secara sah lebih dari sekali oleh penyerang, tetapi hanya jika bola tidak menyentuh tanah dari pukulan pertama.
- e) seorang pemandang menangkap bola setelah bola menyentuh seorang pengadil, pemandang atau pemukul lain. Walau bagaimanapun, ia bukan tangkapan yang wajar jika bola telah menyentuh topi keledar pelindung yang dipakai oleh pemandang, walaupun bola masih dalam permainan.
- f) seorang pemandang menangkap bola di udara setelah bola melintasi sempadan dengan syarat
 - (i) tiada bahagian orangnya menyentuh, atau terkandas melintasi sempadan pada bila-bila masa dia menyentuh bola.
 - (ii) bola tidak terkandas ke luar sempadan. Lihat Undang-Undang 19.3 (Larian Sempadan).
- g) bola yang ditangkap mati oleh gangguan dalam sempadan, dengan syarat gangguan belum dianggap sebagai sempadan.

4. Pemandang dalam padang permainan

- (a) Seorang pemandang tidak berada di dalam padang permainan jika dia menyentuh sempadan atau ada mana-mana bahagian dari orangnya terkandas ke luar sempadan. Lihat Undang-Undang 19.3 (Mencatat Sempadan)
- (b) Larian 6 hendaklah diberikan jika seorang pemandang
 - (i) terdapat mana-mana bahagian orangnya menyentuh, atau terkandas ke luar sempadan semasa menangkap bola.
 - (ii) menangkap bola dan kemudian menyentuh sempadan atau beberapa orangnya terkandas ke luar sempadan semasa membawa bola tetapi sebelum menyempurnakan tangkapan. Lihat Undang-Undang 19.3 (Mencatat Sempadan) dan Undang-Undang 19.4 (Larian yang dibenarkan untuk Sempadan).

5. Tiada Larian untuk dicatat

Jika penyerang yang disingkirkan mati tangkap, larian dari balingan yang diselesaikan oleh pemukul sebelum menyempurnakan tangkapan hendaklah tidak dicatat, tetapi sebarang penalti yang diberikan kepada salah satu pihak apabila bola mati, jika boleh digunakan, akan dikekalkan. Undang-Undang 8.12 (a) (Pemukul kembali ke wicket yang ditinggalkan) hendaklah digunakan dari saat tangkapan dibuat.

UDANG-UDANG 33 MATI PEGANG BOLA

1. Keluar Mati Pegang Bola

Salah seorang pemukul adalah Keluar Mati Pegang Bola jika dia dengan sengaja menyentuh bola semasa dalam permainan dengan satu atau kedua-dua tangan tanpa memegang kayu pukul kecuali dia melakukannya dengan persetujuan pihak lawan.

2. Tidak keluar Mati Pegang Bola

Walaupun terdapat butiran 1 di atas, seorang pemukul tidak akan keluar dari undang-undang ini jika

- (i) dia Memegang Bola untuk mengelakkan kecederaan
- (ii) dia menggunakan satu atau kedua-dua tangannya untuk mengembalikan bola kepada mana-mana pemain pihak pemadang tanpa persetujuan pihak tersebut. Walau bagaimana pun, perhatikan, Peruntukan Undang-Undang 37.4 (Mengembalikan bola kepada Pemain Pihak Pemadang).

3. Larian

Jika salah seorang pemukul disingkirkan di bawah Undang-undang ini, sebarang larian yang diselesaikan sebelum melakukan kesalahan tersebut, bersama-sama dengan sebarang penalti tambahan dan penalti untuk balingan batal atau Lampau Jarak, jika boleh digunakan, hendaklah dicatat. Lihat Undang-Undang 18.10 (Larian apabila seorang pemukul disingkirkan) dan Undang-Undang 42.17 (Larian Penalti).

4. Pembaling tidak mendapat kredit

Pembaling tidak mendapat kredit untuk wicket.

UDANG-UDANG 34 MATI PUKUL BERKALI

1. Keluar Mati Pukul Berkali

- (a) Penyerang adalah Mati Pukul Berkali jika, semasa bola dalam permainan, bola terkena mana-mana orangnya atau dipukul dengan kayu pukulnya dan, sebelum bola disentuh oleh seorang pemadang, dia dengan sengaja memukul bola lagi dengan kayu pukulnya atau orangnya, selain daripada tangan yang tidak memegang kayu pukul, kecuali untuk tujuan menjaga wicketnya. Lihat Undang-undang 3 di bawah dan Undang-Undang 33 (Mati Pegang Bola) dan Undang-Undang 37 (Mati Halang).

(b) Untuk tujuan Undang-undang ini, ‘struck’ atau ‘strike’ hendaklah termasuk bersentuhan dengan orang penyerang.

2. Tidak Keluar Mati Pukul Berkali

Walaupun terdapat butiran 1(a) di atas, penyerang tidak akan keluar di bawah Undang-undang ini jika

- i) dia membuat pukulan kedua atau seterusnya untuk mengembalikan bola kepada mana-mana pemain pihak pemandang. Walau bagaimanapun, perhatikan, Peruntukan Undang-Undang 37.4 (Mengembalikan bola kepada seorang pemain pihak pemandang).
- ii) dia dengan sengaja memukul bola setelah bola menyentuh seorang pemadang. Walau bagaimanapun, perhatikan, Peruntukan Undang-Undang 37.1 (Keluar Mati Halang).

3. Bola secara sah dipukul lebih dari sekali

Semata-mata untuk mengawal wicketnya dan sebelum bola disentuh oleh pemadang, penyerang boleh secara sah memukul bola lebih dari sekali dengan kayu pukulnya atau mana-mana bahagian orangnya selain dari tangan yang tidak memegang kayu pukul.

Walaupun terdapat peruntukan ini, penyerang boleh membenarkan bola ditangkap dengan membuat lebih dari sekali pukulan bagi mempertahankan wicketnya. Lihat Undang-Undang 37.3 (gangguan tangkap bola)

4. Larian yang dibenarkan dari bola secara sah dipukul lebih dari sekali

Apabila bola secara sah dipukul lebih dari sekali, seperti yang dibenarkan dalam butiran 3 tersebut di atas, hanya pukulan pertama yang diambil kira dalam menentukan sama ada larian adalah dibenarkan dan bagaimana ia dicatat.

- a) Jika pada pukulan pertama pengadil telah yakin bahawa sama ada
 - (i) bola terlebih dahulu terkena kayu pukul, atau
 - (ii) penyerang cuba memainkan bola dengan kayu pukulnya, atau
 - (iii) penyerang cuba mengelak daripada terkena bolamaka sebarang penalti yang diberikan kepada pihak pemukul yang boleh dilaksanakan hendaklah dibenarkan.
- b) Jika keadaan dalam butiran (a) di atas bersesuaian maka, jika ia hasil daripada lampau sasar, dan hanya jika ia hasil daripada lampau sasar, larian yang diselesaikan oleh pemukul atau satu sempadan akan dibenarkan sebagai tambahan pada sebarang penalti yang boleh dilaksanakan. Ia hendaklah dikreditkan kepada penyerang jika pukulan pertama dilakukan dengan kayu pukul. Jika pukulan pertama terkena pada orang penyerang ia hendaklah dicatat sebagai Larian Sentuhan Percuma atau Balingan Batal tambahan, seperti yang bersesuaian. Lihat Undang-Undang 26.2 (Larian Sentuhan Percuma).
- c) Jika keadaan butiran (a) di atas bersesuaian dan tidak ada balingan lampau sasar sehingga selepas pemukul sudah memulakan larian, tetapi sebelum satu larian diselesaikan.
 - (i) hanya larian berikutnya yang diselesaikan atau satu sempadan hendaklah dibenarkan. Larian pertama hendaklah dikira sebagai larian yang selesai bagi tujuan ini hanya jika pemukul tidak melintasi pada masa lemparan.
 - (ii) Jika dalam keadaan ini bola yang dilemparkan menuju sempadan maka, walaupun terdapat peruntukan Undang-undang 19.6 (Lampau Sasar atau tindakan pemadang yang disengajakan), hanya kelonggaran sempadan hendaklah dicatat.
 - (iii) Jika bola menuju sempadan hasil dari Lampau Sasar, maka larian yang diselesaikan oleh pemukul setelah lemparan pertama dan sebelum lemparan terakhir hendaklah ditambah pada kelonggaran sempadan. Larian yang sedang dilakukan pada lemparan pertama akan dikira hanya jika ia tidak bersilang pada masa itu larian yang sedang dilakukan pada

lemparan terakhir akan dikira hanya jika ia bersilang pada masa itu. Undang-Undang 18.12 (Pemukul kembali ke wicket yang ditinggalkannya) hendaklah digunakan dari saat lemparan terakhir.

d) Jika, menurut pendapat pengadil, tidak ada keadaan dalam butiran (a) di atas yang bersesuaian maka, sama ada terdapat Lampau Sasar atau tidak, pihak pemukul hendaklah tidak dikreditkan dengan sebarang larian daripada balingan tersebut selain daripada penalti untuk Balingan Batal jika boleh digunakan. Lagi pun, tiada penalti lain akan diberikan kepada pihak pemukul apabila bola mati. Lihat Undang-Undang 42.17 (Larian Penalti).

5. Bola secara sah dipukul lebih dari sekali – tindakan oleh pengadil

Jika tiada larian yang dibenarkan, sama ada dalam keadaan butiran 4(d) di atas, atau kerana tidak ada Lampau Sasar dan

- a) Jika tiada percubaan larian dibuat tetapi bola mencapai sempadan, pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati dan tidak membenarkan sempadan.
- b) Jika pemukul berlari dan
 - (i) tidak ada pemukul yang disingkirkan dan bola tidak mati atas sebarang alasan lain, pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati sebaik saja satu larian diselesaikan atau bola mencapai sempadan. Pemukul hendaklah kembali ke tempat asal mereka. Larian atau sempadan hendaklah tidak dibenarkan.
 - (ii) seorang pemukul disingkirkan, atau jika atas sebarang alasan yang bola menjadi mati sebelum satu larian diselesaikan atau bola mencapai sempadan, semua peruntukan Undang-undang akan digunakan kecuali pemberian penalti kepada pihak pemukul hendaklah seperti yang dinyatakan dalam butiran 4(a) atau 4(d) di atas seperti yang bersesuaian.

6. Pembaling tidak mendapat kredit

Pembaling tidak mendapat kredit untuk wicket.

UDANG-UDANG 35 MATI KENA WIKET

1. Keluar Mati Kena Wiket

- (a) Penyerang adalah keluar Kena Wiket jika, semasa bola dalam permainan, wicketnya dijatuhkan sama ada oleh kayu pukul penyerang atau orangnya seperti yang diuraikan dalam Undang-undang 28.1 (a)(ii) dan (iii) (Wiket dijatuhkan).
Sama ada (i) semasa sebarang tindakan yang diambil olehnya dalam bersedia untuk menerima atau menerima balingan.
atau (ii) dalam memulakan larian pertamanya sebaik saja selepas bermain, atau bermain dengan bola
atau (iii) jika dia tidak mencuba untuk bermain bola, dalam memulakan larian pertamanya, dengan syarat pada pendapat pengadil ini dilakukan sebaik saja selepas dia berpeluang untuk bermain bola.
atau (iv) Secara sah membuat pukulan kedua atau seterusnya dengan tujuan mengawal wicketnya di dalam peruntukan Undang-undang 34.3 (Bola secara sah dipukul lebih dari sekali).

2. Tidak Keluar Mati Kena Wiket

Walaupun terdapat butiran 1 di atas, pemukul tidak akan dikeluarkan di bawah undang-undang ini sekiranya wiketnya dijatuhkan dengan sebarang cara yang dirujuk dalam butiran 1 di atas jika

- (a) Ia terjadi setelah dia menyelesaikan sebarang tindakan dalam menerima balingan, selain daripada seperti dalam butiran 1 (a) (ii), (iii) atau (iv) di atas.
 - (b) Ia terjadi semasa dia sedang melakukan larian, selain daripada untuk segera memulakan larian pertamanya.
 - (c) Ia terjadi apabila dia cuba mengelakkan daripada Mati Lari atau Mematikan.
 - (d) Ia terjadi semasa dia cuba mengelakkan lemparan masuk pada bila-bila masa.
 - (e) Setelah pembaling memulakan lariannya, atau tindakan balingan jika dia tidak ada larian, tidak membaling bola. Dalam kes ini salah seorang pengadil hendaklah dengan segera membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati. Lihat Undang-Undang 23.3 (Pengadil Membuat Panggilan dan Memberi Isyarat Bola Mati).
 - (f) Balingan adalah balingan batal.
-

UDANG-UDANG 36 MATI HALANG KAKI

1. Keluar M.H.K

Penyerang adalah keluar M.H.K dalam keadaan yang dinyatakan di bawah

- (a) Pembaling membaling bola yang bukan Balingan Batal dan
- (b) bola, jika tidak dipintas, melantun selari di antara wiket dan wiket atau di kawasan kanan wiket penyerang, dan
- (c) bola sebelumnya tidak menyentuh kayu pukulnya, penyerang memintas bola, sama ada secara lantunan penuh atau setelah melantun, dengan mana-mana bahagian orangnya. dan
- (d) titik balingan, walaupun jika di atas aras anak pancang sama ada
 - (i) di antara wiket dan wiket, atau
 - (ii) sama ada di antara wiket dan wiket atau di luar garis kayu pancang, jika penyerang tidak melakukan percubaan yang bersungguh-sungguh untuk bermain bola dengan kayu pukulnya, dan
- (e) Tetapi untuk pintasan, bola hendaklah memukul wiket.

2. Pintasan bola

- (a) Dalam menilai (c), (d) dan (e) pada butiran 1 di atas, hanya pintasan pertama akan diambil kira.
- (b) Dalam menilai (e) pada butiran 1 di atas, adalah dianggap bahawa lintasan bola sebelum pintasan akan berterusan setelah pintasan, tidak mengira sama ada bola kemudian boleh dilantun atau tidak.

3. Kawasan Kanan Wiket

Kawasan kanan wiket penyerang hendaklah ditentukan melalui kedudukan penyerang pada saat bola dimainkan untuk balingan tersebut.

UDANG-UDANG 37 MATI HALANG

1. Keluar Mati Halang

Salah seorang pemukul adalah Keluar Mati Halang jika dia dengan sengaja menghalang atau mengganggu pihak lawan dengan kata-kata atau tindakan. Ia hendaklah dianggap sebagai halangan jika salah seorang pemukul dengan sengaja, dan tanpa persetujuan pihak pemandang, memukul bola dengan kayu pukulnya atau orangnya, selain daripada tangan yang tidak memegang kayu pukul, setelah bola menyentuh pemandang. Lihat butiran 4 di bawah.

2. Halang Tak Sengaja

Salah seorang pengadil hendaklah membuat keputusan sama ada sebarang halangan atau gangguan adalah disengajakan atau tidak. Dia hendaklah berunding dengan pengadil lain jika dia ada sebarang keraguan.

3. Menghalang bola dari ditangkap

Penyerang adalah keluar jika salah seorang pemukul membuat halangan atau gangguan yang disengajakan yang menghalang tangkapan dibuat.

Ini hendaklah digunakan walaupun penyerang yang menyebabkan halangan dalam mengawal wicketnya secara sah di bawah peruntukan Undang-undang 34.3 (Bola secara sah dipukul lebih dari sekali).

4. Mengembalikan bola kepada pemain dari pihak pemandang

Salah seorang pemukul adalah keluar di bawah Undang-undang ini jika, tanpa persetujuan pihak pemandang dan semasa bola dalam permainan, dia menggunakan kayu pukulnya atau orangnya untuk mengembalikan bola kepada mana-mana pemain pihak pemandang.

5. Larian

Jika seorang pemukul disingkirkan di bawah Undang-undang ini, larian yang diselesaikan oleh pemukul sebelum kesalahan hendaklah dicatat, bersama-sama penalti untuk Balingan Batal atau Lampau Jarak, jika boleh digunakan. Penalti lain yang mungkin diberikan kepada salah satu pihak apabila bola mati hendaklah juga dikekalkan. Lihat Undang-undang 42.17 (b) (Larian Penalti).

Walau bagaimanapun, jika, halangan menghalang tangkapan, larian yang diselesaikan oleh pemukul sebelum kesalahan hendaklah tidak dicatat, tapi penalti lain yang mungkin diberikan kepada salah satu pihak apabila bola mati hendaklah dikekalkan. Lihat Undang-Undang 42.17 (b) (Larian Penalti).

6. Pembaling tidak mendapat kredit

Pembaling tidak mendapat kredit untuk wicket.

UDANG-UDANG 38 MATI LARI

1. Keluar Mati Lari

- (a) Salah seorang pemukul adalah Keluar Mati Lari, kecuali seperti butiran 2 di bawah, Jika pada bila-bila masa semasa bola dalam permainan
 - (i) dia keluar dari kawasannya, dan
 - (ii) wicketnya dijatuhkan secara wajar oleh pihak lawan.
- (b) Butiran (a) di atas hendaklah digunakan walaupun Balingan Batal a dipanggil dan sama ada, ada atau tidak percubaan larian dibuat, kecuali dalam keadaan Undang-Undang 39.3 (b) (Mematikan Kekal).

2. Pemukul tidak Mati Lari

Walaupun terdapat butiran 1 di atas, seorang pemukul tidak Mati Lari jika

- (a) Dia berada di dalam kawasannya dan kemudian meninggalkan kawasan itu untuk mengelakkan kecederaan, apabila wicket dijatuhkan.
- (b) Bola kemudiannya tidak lagi disentuh oleh pemandang, selepas pembaling melakukan langkah balingan, sebelum wicket dijatuhkan.
- (c) Bola yang dimainkan oleh penyerang, atau terjatuh daripada pemegangnya, secara langsung terkena topi keledar yang dipakai oleh pemandang dan tanpa mengenai pemandang lagi atau mana-mana pemandang lain, memantul terus ke wicket. Walau bagaimanapun, bola masih dalam permainan dan salah seorang pemukul boleh Mati Lari dalam keadaan butiran 1 di atas jika wicket dijatuhkan kemudiannya.
- (d) Dia adalah keluar Mematikan. Lihat Undang-Undang 39.1 (b) (Keluar Mematikan).
- (e) Dia keluar dari kawasannya, tidak membuat larian dan wicketnya dijatuhkan secara wajar oleh penjaga wicket tanpa campur tangan pemain lain pihak pemandang, jika Balingan Batal dipanggil. Lihat Undang-Undang 39.3 (b) (Tidak Keluar Mematikan).

3. Pemukul yang keluar

Pemukul yang keluar dalam keadaan butiran 1 di atas adalah pemukul yang kawasannya berada di sudut tempat wicket dijatuhkan. Lihat Undang-Undang 2.8 (Pelanggaran Undang-undang oleh seorang pemukul yang mempunyai seorang pelari) dan Undang-Undang 29.2 (Di mana Kawasan Pemukul?).

4. Larian

Jika seorang pemukul yang disingkirkan Mati Lari, pihak pemukul hendaklah mencatat larian yang diselesaikan sebelum penyingkiran, bersama-sama penalti untuk Balingan Batal atau Lampau Jarak, jika boleh digunakan. Penalti lain yang diberikan kepada salah satu pihak apabila bola mati hendaklah juga dikekalkan. Lihat Undang-Undang 42.17 (b) (Larian Penalti).

Walau bagaimana pun, jika seorang penyerang dengan seorang pelari sendiri yang disingkirkan Mati Lari, larian yang diselesaikan oleh pelari dan pemukul lain sebelum penyingkiran hendaklah tidak dicatat. Penalti untuk Balingan Batal atau Jarak Lampau dan sebarang penalti lain yang diberikan kepada salah satu pihak apabila bola mati hendaklah dikekalkan. Lihat Undang 2.8 (Pelanggaran Undang-undang oleh seorang pemukul yang mempunyai seorang pelari) dan Undang-undang 42.17 (b) (Larian Penalti).

5. Pembaling tidak mendapatkan kredit

Pembaling tidak mendapat kredit untuk wicket.

UDANG-UDANG 39 MEMATIKAN

1. Keluar Mematikan

- (a) Penyerang adalah Keluar Mematikan jika
 - (i) dia keluar dari kawasannya, dan
 - (ii) dia menerima bola yang bukan Balingan Batal dan
 - (iii) dia tidak cuba membuat larian dan
 - (iv) wicketnya dijatuhkan oleh penjaga wicket tanpa campur tangan daripada pemain lain pihak pemandang. Undang-Undang 40.3 (Kedudukan Penjaga Wiket).
- (b) Penyerang adalah Keluar Mematikan jika semua keadaan dari butiran (a) di atas dipenuhi, walaupun keputusan Lari Mati akan dipertimbangkan.

2. Bola memantul dari Orang Penjaga Wiket

- (a) Jika wicket dijatuhkan oleh bola, ia hendaklah dianggap sebagai telah dijatuhkan oleh Penjaga Wiket jika bola
 - (i) memantul di atas kayu pancang dari mana-mana bahagian orangnya atau kelengkapannya, selain daripada topi keledar pelindung, atau
 - (ii) ditendang atau dilempar ke kayu pancang oleh penjaga wicket,
- (b) Jika bola terkena topi keledar yang dipakai oleh Penjaga Wiket, bola masih dalam permainan tetapi penyerang hendaklah tidak keluar mematikan. Walau bagaimanapun dia mungkin Mati Lari dalam keadaan ini jika selepas itu bola menyentuh mana-mana pemain pihak pemandang. Walau bagaimanapun perhatikan, butiran 3 di bawah.

3. Tidak Keluar Mematikan

- (a) Jika penyerang tidak Keluar Mematikan, dia mungkin Mati Lari jika Undang-undang 38 (Mati Lari) digunakan, kecuali seperti yang dinyatakan dalam butiran (b) di bawah.
 - (b) Penyerang tidak akan Keluar Mati Lari jika dia keluar dari kawasannya, tidak cuba membuat larian, dan wicketnya dijatuhkan secara wajar oleh penjaga wicket tanpa campur tangan pemain lain pihak pemandang, jika Balingan Batal telah dipanggil.
-

UDANG-UDANG 40 PENJAGA WIKET

1. Kelengkapan pelindung

Penjaga wicket adalah satu-satunya pemain pihak pemandang yang dibenarkan untuk memakai sarung tangan dan pelindung kaki luar. Jika dia berbuat demikian, ini dianggap sebagai sebahagian daripada orangnya bagi tujuan Undang-Undang 41.2 (menahan bola). Jika tindakan dan kedudukannya jelas kepada pengadil bahawa dia tidak boleh menjalankan tugasnya sebagai penjaga wicket, dia hendaklah melepaskan hak ini dan juga haknya sebagai penjaga wicket untuk tujuan Undang-undang 32.3 (Tangkapan Wajar), Undang-Undang 39 (Mematikan), Undang-Undang 41.1 (Kelengkapan Pelindung), Undang-Undang 41.5 (Had pemandang Kawasan Kiri) dan 41.6 (Pemandang Tidak Boleh Masuk Ke Lapangan Tengah).

2. Sarung tangan

Jika Penjaga Wiket memakai Sarung Tangan seperti yang dibenarkan di bawah butiran 1 di atas, sarung tangan hendaklah tidak ada webing di antara jari kecuali yang sehelai kain rata tak meregang yang boleh disisipkan di antara jari telunjuk dan ibu jari sebagai penyokong. Sisipan ini hendaklah tidak mengeleber apabila tangan dianjurkan. Lihat lampiran C.

3. Kedudukan Penjaga Wiket

Penjaga wicket hendaklah tetap berada di belakang wicket di sudut penyerang dari saat bola dimainkan sehingga

- (a) bola yang dibaling oleh pembaling, sama ada
 - (i) menyentuh kayu pukul atau orang penyerang, atau
 - (ii) melintasi wicket di sudut penyerang, atau
- (b) Penyerang cuba membuat satu larian

Sekiranya penjaga wicket melanggar Undang-undang ini, pengadil di sudut penyerang hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Balingan Batal secepat mungkin setelah bola dibaling.

4. Pergerakan penjaga wicket

Adalah tidak wajar jika penjaga wicket yang berdiri di belakang membuat satu pergerakan ketara ke arah wicket setelah bola dimainkan dan sebelum bola mencapai penyerang. Sekiranya penjaga wicket membuat pergerakan tidak wajar seperti ini, salah seorang pengadil hendak membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati. Ia tidak akan dianggap satu pergerakan ketara jika penjaga wicket bergerak beberapa langkah ke hadapan untuk satu balingan perlahan.

5. Sekatan terhadap tindakan penjaga wicket

Jika penjaga wicket mengganggu hak penyerang untuk bermain bola dan menjaga wicketnya, penyerang tidak akan keluar, kecuali di bawah Undang-undang 33 (Mati Pegang Bola), Undang-undang 34 (Mati Pukul Berkali), Undang-Undang 37 (Mati Halang) atau Undang-undang 38 (Mati Lari)

6. Penyerang Mengganggu penjaga wicket

Jika, semasa bermain bola atau mempertahankan wicketnya, penyerang mengganggu penjaga wicket, dia tidak akan keluar, kecuali seperti yang ditetapkan dalam Undang-undang 37.3 (Menghalang bola dari mati tangkap).

UDANG-UDANG 41 PEMADANG

1. Kelengkapan Pelindung

Tidak ada pemain pihak pemandang selain daripada penjaga wicket yang dibenarkan untuk memakai sarung tangan atau pelindung kaki luar. Sebagai tambahan, pelindung tangan atau jari boleh dipakai hanya dengan persetujuan pengadil.

2. Menahan bola

Seorang pemandang boleh menahan bola dengan mana-mana bahagian orangnya tetapi jika, semasa bola dalam permainan dia sebaliknya dengan sengaja menahan bola,

- (a) bola akan menjadi mati dan 5 larian penalti hendaklah diberikan kepada pihak pemukul. Lihat Undang-Undang 42.17 (Larian Penalti).
- (b) Pengadil hendaklah memaklumkan pengadil lain, ketua pasukan pihak pemandang, pemukul dan, secepat mungkin yang boleh dilaksanakan, ketua pasukan pihak pemukul apa yang terjadi.
- (c) Para pengadil hendaklah bersama-sama melaporkan kejadian tersebut secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemandang dan mana-mana Badan Yang Mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan yang akan mengambil tindakan yang dianggap bersesuaian terhadap ketua pasukan dan pemain berkenaan.

3. Topi Keledar Pelindung kepunyaan pihak pemandang

Topi keledar pelindung, jika tidak digunakan oleh pemandang, hendaklah hanya diletakkan, jika di atas permukaan, di atas tanah di belakang penjaga wicket dan selari dengan kedua-dua set kayu pancang. Jika topi keledar kepunyaan pihak pemandang diletakkan di atas tanah di dalam padang permainan, dan bola semasa dalam permainan mengenainya, bola hendaklah menjadi mati. 5 Larian Penalti hendaklah diberikan kepada pihak pemukul. Lihat Undang-undang 18.11 (Larian apabila bola menjadi mati) dan Undang-undang 42.17 (Larian Penalti).

4. Larian Penalti tidak akan diberikan

Walaupun terdapat butiran 2 dan 3 di atas, jika dari balingan pembaling bola mula-mula mengenai orang penyerang dan jika, pada pendapat pengadil, penyerang, tidak

- (i) cuba memainkan bola dengan kayu pukulnya, ataupun
 - (ii) cuba mengelak dari terkena bola,
- maka tidak ada 5 larian penalti akan dibuat dan larian atau penalti lain hendaklah dikreditkan kepada pihak pemukul kecuali penalti bagi Balingan Batal jika boleh digunakan. Lihat Undang-undang 26.3 (Larian Sentuhan Percuma tidak akan diberikan).

5. Had pemandang

Sebaik saja pembaling membaling bola hendaklah tidak ada lebih daripada dua orang pemandang, selain daripada penjaga wicket, di belakang garis pukul di kawasan kiri. Seorang pemandang akan dianggap berada di belakang garis pukul kecuali semua orangnya, sama ada di tanah atau di udara, berada di hadapan garis ini.

Sekiranya terjadi pelanggaran Undang-undang ini oleh pihak pemandang, pengadil di sudut penyerang hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Balingan Batal.

6. Pemandang tidak boleh memasuki lapangan tengah

Semasa bola dalam permainan dan sehingga bola menyentuh kayu pukul atau orang penyerang, atau melintasi kayu pukul penyerang, tidak ada pemandang, selain daripada pembaling, mana-mana bahagian orangnya yang boleh terkandas ke atau melintasi lapangan tengah.

Sekiranya terjadi perlanggaran Undang-undang ini oleh mana-mana pemandang selain daripada penjaga wicket, pengadil di sudut pembaling hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Balingan Batal secepat mungkin selepas bola dibaling. Walau bagaimanapun, perhatikan Undang-Undang 40.3 (Kedudukan penjaga wicket).

7. Pergerakan pemandang

Sebarang pergerakan ketara oleh mana-mana pemandang setelah bola dimainkan dan sebelum bola mencapai penyerang adalah tidak wajar. Sekiranya terjadi pergerakan tidak wajar seperti ini, salah seorang pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati.

Perhatikan juga peruntukan Undang-undang 42.4 (Cuba mengganggu penyerang dengan sengaja).

8. Definisi pergerakan ketara

- (a) Bagi pemandang dekat apa pun selain daripada pelarasan kecil terhadap cara berdiri atau kedudukan yang berkaitan dengan penyerang adalah ketara.
 - (b) Dalam kawasan jauh, pemandang dibenarkan untuk bergerak ke arah penyerang atau wicket penyerang, dengan syarat butiran 5 di atas tidak dilanggar. Apa pun selain daripada pergerakan sedikit keluar garis atau jauh daripada penyerang adalah dianggap ketara.
-

UDANG-UDANG 42 PERMAINAN WAJAR DAN TIDAK WAJAR

1. Permainan wajar dan tidak wajar – tanggungjawab ketua pasukan

Ketua pasukan bertanggungjawab untuk memastikan permainan dikendalikan dengan semangat dan tradisi permainan, seperti yang diterangkan dalam Mukadimah – *The Spirit of Cricket*, dan juga di dalam undang-undang.

2. Permainan wajar dan tidak wajar – tanggungjawab para pengadil

Para pengadil hendaklah menjadi satu-satunya hakim bagi permainan wajar dan tidak wajar. Jika salah seorang pengadil menganggap satu tindakan, yang tidak terangkum dalam Undang-undang, adalah tidak wajar, dia hendaklah campur tangan tanpa rayuan dan, jika bola dalam permainan, dia hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Bola Mati dan melaksanakan prosedur seperti yang ditetapkan dalam butiran 18 di bawah. Sebaliknya pengadil hendaklah tidak campur tangan dengan perkembangan permainan, kecuali diperlukan untuk berbuat demikian mengikut Undang-undang.

3. Bola perlawanan – Menukar Keadaannya

- (a) Mana-mana pemandang boleh
 - (i) menggilap bola dengan syarat tidak ada bahan tiruan digunakan dan penggilapan itu tidak membuang masa.
 - (ii) menghilangkan lumpur daripada bola di bawah pengawasan pengadil.
 - (iii) mengeringkan bola yang basah dengan tuala.
- (b) Adalah tidak wajar bagi sesiapa pun untuk menggosok bola ke tanah atas sebarang alasan, mengusik kelim atau permukaan bola, menggunakan sebarang alat, atau mengambil sebarang tindakan lain yang mungkin mengubah keadaan bola, kecuali seperti yang dibenarkan dalam butiran (a) di atas
- (c) Para pengadil hendaklah sering dan sentiasa memeriksa bola.
- (d) Sekiranya mana-mana pemandang menukar keadaan bola secara tidak wajar, seperti yang ditetapkan dalam butiran (b) di atas, para pengadil hendaklah, setelah berbincang,
 - (i) mengganti bola dengan serta-merta. Pengadil akan membuat keputusan mengenai penggantian bola, yang menurut pendapat mereka, sudah haus jika dibandingkan dengan bola sebelumnya yang diterima sebelum pelanggaran.
 - (ii) memaklumkan pemukul yang bola telah diganti.
 - (iii) memberikan 5 Larian Penalti kepada pihak pemukul. Lihat butiran 17 di bawah.
 - (iv) memaklumkan ketua pasukan pihak pemandang yang alasan bagi tindakan tersebut adalah gangguan yang tidak wajar terhadap bola.

- (e) Jika terdapat sebarang kejadian selanjutnya merubah keadaan bola secara tidak wajar dalam ining tersebut, setelah berunding pengadil hendaklah
 - (i) mengulangi prosedur dalam butiran (d)(i), (ii) dan (iii) di atas.
 - (ii) memaklumkan ketua pasukan pihak pemadang mengenai alasan bagi tindakan yang diambil dan mengarahkannya untuk mengeluarkan pembaling yang telah membaling bola sebelumnya. Pembaling yang telah di keluarkan tidak dibenarkan membaling bola lagi dalam ining tersebut.
 - (iii) memaklumkan ketua pasukan pihak pemukul mengenai apa yang terjadi secepat yang boleh dilakukan.
 - (iv) melaporkan kejadian ini secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemadang dan mana-mana Badan yang mengawal yang bertanggungjawab bagi perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pasukan berkenaan.

4. Percubaan yang sengaja untuk mengganggu penyerang.

- (a) Adalah tidak adil bagi mana-mana pemain pihak pemadang yang sengaja cuba mengganggu penyerang ketika dia sedang bersedia untuk menerima atau semasa menerima balingan. sebarang tindakan oleh seorang pemain pihak pemadang adalah suatu percubaan, pertamanya dia hendaklah
 - (i) membuat panggilan dan memberi isyarat bola Mati dengan segera.
 - (ii) memberi amaran kepada ketua pasukan pihak pemadang bahawa tindakannya itu tidak wajar dan memaklumkan bahawa ini adalah amaran pertama dan terakhir.
 - (iii) memaklumkan kepada pengadil lain dan pemukul mengenai apa yang terjadi. Tiada pemukul yang akan disingkirkan dari balingan tersebut dan bola hendaklah tidak dikira sebagai salah satu over.
- (b) Jika sebarang percubaan sengaja dilakukan lagi dalam ining itu, oleh mana-mana pemain pihak pemadang, prosedur, selain daripada amaran, seperti yang ditetapkan dalam butiran (a) di atas hendaklah dilaksanakan. Sebagai tambahan, pengadil di sudut pembaling hendaklah
 - (i) memberikan 5 larian penalti kepada pihak pemukul. Lihat butiran 17 di bawah.
 - (ii) memaklumkan ketua pasukan pihak pemadang mengenai alasan bagi tindakan ini dan, secepat yang boleh dilakukan, memaklumkan ketua pasukan pihak pemukul.
 - (iii) melaporkan kejadian, bersama dengan pengadil lain, secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemadang dan mana-mana Badan yang mengawal yang bertanggungjawab bagi perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pemain berkenaan.

5. Mengganggu atau menghalang pemukul dengan sengaja

Sebagai tambahan pada butiran 4 di atas, adalah tidak wajar bagi mana-mana pemain pihak pemadang, dengan perkataan atau tindakan, cuba mengganggu atau menghalang salah seorang pemukul dengan sengaja setelah penyerang menerima bola.

- (a) Salah seorang pengadil akan menentukan sama ada mana-mana gangguan atau halangan adalah disengajakan atau tidak.
 - (b) Jika salah seorang pengadil menganggap bahawa seorang pemain pihak pemadang telah dengan sengaja menyebabkan atau cuba menyebabkan gangguan atau halangan tersebut dia hendaklah
 - (i) membuat panggilan dan memberi isyarat bola Mati dengan segera.
 - (ii) memaklumkan ketua pasukan pihak pemadang dan pengadil lain mengenai sebab panggilan.
- Selain itu,
- (iii) tidak seorang pun pemukul yang boleh disingkirkan dari balingan tersebut.

- (iv) 5 larian penalti hendaklah diberikan kepada pihak pemukul. Lihat butiran 17 di bawah. Dalam kejadian ini, larian yang sedang berlangsung hendaklah dicatat, sama ada atau tidak pemukul telah melintas semasa panggilan. Lihat Undang-Undang 18.11 (larian apabila bola menjadi mati)
- (v) pengadil di sudut pembaling hendaklah memaklumkan ketua pasukan pihak pemandang mengenai sebab bagi tindakan ini dan, secepat yang boleh dilakukan, memaklumkan ketua pasukan pihak pemukul.
- (vi) pengadil hendaklah melaporkan kejadian secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemandang dan mana-mana Badan yang mengawal yang bertanggungjawab bagi perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pemain berkenaan.

6. Balingan bahaya dan tidak wajar

(a) Balingan lantun pendek pantas

- (i) Balingan lantun pendek pantas adalah bahaya dan tidak wajar jika pengadil di sudut pembaling menganggap bahawa dengan teknik pengulangan balingan dan mengambil kira jarak, tinggi dan hala balingan yang mungkin mengakibatkan kecederaan fizikal kepada penyerang, tanpa menghiraukan kelengkapan pelindung yang mungkin dipakai oleh penyerang. Kemahiran penyerang hendaklah dipertimbangkan.
- (ii) Sebarang balingan yang, setelah lantunan, melepassi ketinggian kepala pemukul yang berdiri tegak pada garisan, walaupun tidak menyebabkan kecederaan fizikal, adalah tidak wajar dan hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada urutan teknik pengulangan dalam butiran (i) di atas. Pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberiri isyarat balingan batal bagi setiap balingan sedemikian.

(b) Balingan lantun penuh tinggi

- (i) Sebarang balingan, selain daripada satu langkah yang perlahan, yang melepassi penuh di atas ketinggian pinggang penyerang yang berdiri tegak pada garisan adalah dianggap bahaya dan tidak wajar, sama ada kemungkinan ia mengakibatkan kecederaan fizikal kepada penyerang atau tidak.
- (ii) Satu balingan perlahan yang melepassi penuh di atas ketinggian bahu penyerang yang berdiri tegak pada garisan adalah dianggap bahaya dan tidak wajar, sama ada kemungkinan ia mengakibatkan kecederaan fizikal kepada penyerang.

7. Balingan bahaya dan tidak wajar – tindakan oleh pengadil

- (a) Jika balingan bahaya dan/atau tidak wajar, seperti yang dijelaskan dalam butiran 6 di atas, oleh mana-mana pembaling, kecuali seperti dalam butiran 8 di bawah, pertamanya pengadil di sudut pembaling hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Balingan Batal dan, apabila bola mati, memberi peringatan kepada pembaling, memaklumkan pengadil lain, ketua pasukan dari pihak pemandang dan pemukul mengenai apa yang telah terjadi. Peringatan ini hendaklah terus dibuat sepanjang ining itu.
- (b) Jika balingan bahaya dan tidak wajar kedua dilakukan oleh pembaling yang sama dalam ining itu, pengadil di sudut pembaling hendaklah mengulangi prosedur di atas dan mengingatkan pembaling bahawa ini adalah amaran terakhir.

Kedua peringatan dan amaran terakhir di atas hendaklah terus dikenakan walaupun pembaling nanti akan bertukar sudut.

- (c) Jika terjadi kejadian selanjutnya oleh pembaling yang sama dalam ining itu, pengadil hendaklah
 - (i) membuat panggilan dan memberi isyarat Balingan Batal.

- (ii) mengarahkan ketua pasukan, apabila bola mati, untuk mengeluarkan pembaling dengan segera. Over hendaklah diselesaikan oleh pembaling yang lain, yang tidak pernah membaling over sebelumnya atau tidak dibenarkan untuk membaling over berikutnya.

Pembaling yang dikeluarkan hendaklah tidak dibenarkan untuk membaling lagi dalam ining tersebut.

- (iii) melaporkan kejadian pada pengadil lain, pemukul dan, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan dari pihak pemukul
- (iv) melaporkan kejadian, bersama dengan pengadil yang lain, secepat mungkin kepada Eksekutif dari pihak pemandang dan mana-mana Badan yang mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pembaling berkenaan.

8. Balingan lantun penuh tinggi yang disengajakan

Jika pengadil menganggap bahawa satu lantun penuh tinggi adalah dianggap bahaya dan tidak wajar, seperti yang dijelaskan dalam butiran 6(b) di atas, telah dibaling dengan sengaja, maka peringatan dan amaran yang ditetapkan dalam butiran 7 di atas hendaklah diberikan. Pengadil hendaklah

- (a) membuat panggilan dan memberi isyarat Balingan Batal
- (b) mengarahkan ketua pasukan, apabila bola mati, untuk mengeluarkan pembaling dengan segera.
- (c) melaksanakan prosedur yang lain seperti yang disediakan dalam butiran 7(c) di atas.

9. Membuang masa oleh pihak pemandang

Adalah tidak wajar bagi mana-mana pemain pihak pemandang membuang masa.

- (a) Jika ketua pasukan pihak pemandang membuang masa, atau membenarkan mana-mana pemain dari pihaknya membuang masa, atau jika pergerakan satu over terlalu lambat, pertamanya pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat Balingan Batal jika perlu dan
 - (i) memberi amaran kepada ketua pasukan, dan mengingatkan bahawa ini adalah amaran pertama dan terakhir.
 - (ii) memaklumkan pengadil dan pemukul lain mengenai apa yang terjadi.
- (b) Jika terjadi pembuangan masa lagi dalam ining tersebut, oleh mana-mana pemain dari pihak pemandang, pengadil hendaklah sama ada
 - (i) jika perkara itu dalam masa satu over, memberikan 5 larian penalti kepada pihak pemukul. Lihat butiran 17 di bawah. atau,
 - (ii) jika perkara itu dalam masa satu over, apabila bola mati, mengarahkan ketua pasukan untuk mengeluarkan pembaling dengan segera. Jika perlu, over hendaklah diselesaikan oleh pembaling lain, yang tidak pernah membaling over sebelumnya atau tidak dibenarkan untuk membaling pada over berikutnya.
Pembaling yang dikeluarkan hendaklah tidak dibenarkan untuk membaling lagi dalam giliran tersebut.
 - (iii) memaklumkan kepada pengadil lain, pemukul dan, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan dari pihak pemukul mengenai apa yang telah terjadi.
 - (iv) melaporkan kejadian, bersama pengadil lain, secepat mungkin kepada Eksekutif dari pihak pemandang dan mana-mana Badan yang mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pasukan berkenaan.

10. Pemukul membuang masa

Adalah tidak wajar bagi seorang pemukul membuang masa. Dalam keadaan biasa penyerang hendaklah sentiasa bersedia untuk membuat pukulan apabila pembaling bersedia untuk memulakan larian.

- (a) Jika salah seorang pemukul membuang masa dengan gagal memenuhi keperluan ini, atau dengan sebarang cara lain, prosedur berikut hendaklah digunakan. Pertamanya, sama ada sebelum pembaling memulakan lariannya atau apabila bola mati, sebagaimana sepatutnya, pengadil hendaklah
 - (i) memberi amaran kepada pemukul dan menyatakan bahawa ini adalah amaran yang pertama dan terakhir. Amaran ini hendaklah terus dibuat sepanjang ining itu. Pengadil hendaklah juga memaklumkan setiap pemukul yang akan masuk.
 - (ii) memaklumkan pengadil dan pemukul lain dan ketua pasukan pihak pemandang mengenai apa yang telah terjadi.
 - (iii) memaklumkan ketua pasukan pihak pemukul secepat yang boleh dilakukan.
- (b) jika terjadi sebarang pembuangan masa lagi oleh mana-mana pemukul dalam ining tersebut, pengadil hendaklah, pada masa yang sesuai ketika bola mati
 - (i) memberikan 5 larian penalti kepada pihak pemandang. Lihat butiran 17 di bawah.
 - (ii) memaklumkan pengadil dan pemukul lain, ketua pasukan pihak pemandang dan, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan pihak pemukul mengenai apa yang telah terjadi.
 - (iii) melaporkan kejadian, bersama dengan pengadil lain, secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemukul dan mana-mana Badan yang mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pemain dan, jika perlu pasukan berkenaan.

11. Merosak lapangan tengah – kawasan yang perlu dilindungi

- (a) Ini adalah tanggungjawab semua pemain untuk mengelak kerosakan yang tidak sepatutnya terhadap lapangan tengah. Ini adalah tidak wajar bagi mana-mana pemain yang sengaja menyebabkan kerosakan pada lapangan tengah
- (b) Kawasan lapangan tengah, dirujuk sebagai ‘kawasan yang dilindungi’ didefinisikan sebagai kawasan yang terkandung di dalamnya satu empat segi tepat yang dibatasi pada setiap hujung dengan garis khayalan selari dengan garis pukul dan 5 kaki/ 1.52m di depan setiap kawasan dan pada sisi oleh garis khayalan, setiap sisi garis khayalan bersambung di tengah kedua-dua tengah kayu pancang, setiap satu selari dengannya dan 1 kaki/ 30.48cm daripadanya.

12. Pembaling berlari di kawasan yang dilindungi selepas membaling bola

- (a) Jika pembaling, selepas membaling bola, berlari di kawasan yang dilindungi seperti yang didefinisikan dalam butiran 11(b) di atas, pertamanya pengadil hendaklah, dan apabila bola mati,
 - (i) memperingatkan pembaling. Peringatan ini hendaklah terus dibuat sepanjang ining.
 - (ii) memaklumkan pengadil lain, ketua pasukan pihak pemandang dan pemukul mengenai apa yang telah terjadi.
- (b) Jika, dalam ining tersebut, pembaling yang sama berlari di kawasan yang dilindungi lagi selepas membaling bola, pengadil hendaklah mengulangi prosedur di atas, menyatakan bahawa ini adalah amaran terakhir.
- (c) Jika, dalam ining tersebut, pembaling yang sama berlari di kawasan yang dilindungi untuk ketiga kalinya selepas membaling bola, apabila bola mati pengadil hendaklah
 - (i) mengarahkan ketua pasukan pihak pemandang untuk mengeluarkan pembaling dengan segera. Jika perlu, over hendaklah diselesaikan oleh pembaling lain, yang tidak pernah

membaling over sebelumnya atau tidak dibenarkan untuk membaling lagi dalam ining berikutnya.

Pembaling yang diikeluarkan hendaklah tidak dibenarkan untuk membaling lagi dalam ining tersebut.

- (ii) melaporkan kepada pengadil lain, pemukul dan, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan pihak pemukul mengenai apa yang terjadi.
- (iii) melaporkan kejadian, bersama dengan pengadil lain, secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemandang dan mana-mana Badan yang Mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pembaling berkenaan.

13. Pemandang merosak lapangan tengah

- (a) Jika mana-mana pemandang menyebabkan kerosakan yang dapat dielakkan terhadap lapangan tengah, selain daripada seperti dalam butiran 12(a) di atas, pertamanya pengadil hendaklah, ketika bola mati,
 - (i) memperingati ketua pasukan pihak pemandang, menyatakan bahawa ini adalah amaran pertama dan terakhir. Peringatan ini hendaklah terus dibuat sepanjang ining.
 - (ii) memaklumkan pengadil yang lain dan pemukul mengenai apa yang terjadi.
- (b) Jika terjadi kerosakan yang dapat dielakkan selanjutnya terhadap lapangan tengah oleh mana-mana pemandang dalam ining tersebut, ketika bola mati, pengadil hendaklah,
 - (i) memberikan 5 larian penalti kepada pihak pemukul. Lihat butiran 17 di bawah.
 - (ii) memaklumkan pengadil lain, pemukul, ketua pasukan pihak pemandang dan, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan pihak pemukul mengenai apa yang telah terjadi.
 - (iii) melaporkan kejadian, bersama dengan pengadil lain, secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemandang dan mana-mana Badan yang Mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pemain berkenaan.

14. Pemukul merosak lapangan tengah

- (a) Jika salah seorang pemukul menyebabkan kerosakan yang dapat dielakkan terhadap lapangan tengah, ketika bola mati, pertamanya pengadil hendaklah,
 - (i) memperingati pemukul. Peringatan ini hendaklah terus dibuat sepanjang ining. Pengadil hendaklah juga memaklumkan setiap pemukul yang akan masuk.
 - (ii) memaklumkan pengadil dan pemukul yang lain, ketua pasukan dari pihak pemandang, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan dari pihak pemukul.
- (b) Jika terjadi kerosakan yang dapat dielakkan kedua kalinya terhadap lapangan tengah oleh mana-mana pemukul dalam ining tersebut
 - (i) Pengadil hendaklah mengulangi prosedur di atas, menyatakan bahawa ini adalah amaran terakhir.
 - (ii) sebagai tambahan dia hendaklah tidak membenarkan semua larian kepada pihak pemukul dari balingan tersebut selain daripada penalti bagi Balingan Batal atau bola lampau jarak, jika perlu. Pemukul hendaklah kembali ke sudut asal mereka.
- (c) Jika terjadi kerosakan yang dapat dielakkan terhadap lapangan tengah oleh mana-mana pemukul dalam ining tersebut, ketika bola mati, pengadil hendaklah,
 - (i) tidak membenarkan semua larian kepada pihak pemukul dari balingan tersebut selain daripada penalti bagi Balingan Batal atau bola Lampau jarak, jika perlu.
 - (ii) sebagai tambahan memberikan 5 larian penalti kepada pihak pemandang. Lihat butiran 17 di bawah.
 - (iii) memaklumkan pengadil dan pemukul lain, ketua pasukan pihak pemandang dan, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan pihak pemukul mengenai apa yang telah terjadi.

- (iv) melaporkan kejadian, bersama pengadil lain, secepat mungkin kepada Eksekutif dari pihak pemukul dan mana-mana Badan yang Mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua dan pemain berkenaan.

15. Pembaling cuba untuk mati lari pemukul menanti sebelum membaling

Pembaling dibenarkan, sebelum memasuki langkah balingannya, untuk cuba memati lari pemukul menanti. Bola hendaklah tidak dikira dalam over.

Pengadil hendaklah membuat panggilan dan memberi isyarat bola Mati secepat mungkin jika pembaling gagal dalam cubaan untuk memati lari pemukul menanti,

16. Pemukul mencuri larian

Adalah tidak wajar bagi pemukul untuk cuba mencuri larian semasa pembaling berlari. Kecuali jika pembaling cuba untuk memati lari salah seorang pemukul – lihat butiran 15 di atas dan Undang-Undang 24.4 (Pembaling melempar ke arah sudut penyerang sebelum membaling) – pengadil hendaklah

- (i) membuat panggilan dan memberi isyarat bola Mati sebaik sahajat pemukul melintasi dalam mana-mana cubaan tersebut.
- (ii) mengembalikan pemukul ke sudut asal mereka.
- (iii) memberikan 5 larian penalti kepada pihak pemadang. Lihat butiran 17 di bawah.
- (iv) memaklumkan pengadil lain, pemukul, ketua pasukan pihak pemadang dan, secepat yang boleh dilakukan, ketua pasukan pihak pemukul mengenai alasan tindakan yang dilakukan.
- (v) melaporkan kejadian, bersama dengan pengadil lain, secepat mungkin kepada Eksekutif pihak pemukul dan mana-mana Badan yang Mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pemain berkenaan.

17. Larian penalti

- (a) Apabila larian penalti diberikan kepada salah satu pihak, apabila bola mati pengadil, hendaklah memberi isyarat larian penalti itu kepada pencatat seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang 3.4 (Isyarat)
- (b) Walau apapun mana-mana peruntukan dalam Undang-Undang ini, larian penalti hendaklah tidak diberikan sebaik sahaja perlawanan ditamatkan seperti yang dijelaskan dalam Undang-Undang 16.9 (Penamatan perlawanan)
- (c) Apabila 5 larian penalti diberikan kepada pihak pemukul, sama ada di bawah Undang-Undang 2.6 (Pemain kembali tanpa kebenaran) atau Undang-Undang 41 (Pemadang) atau di bawah butiran 3, 4, 5, 9 atau 13 di atas, maka
 - (i) ia hendaklah dicatat sebagai penalti tambahan dan hendaklah sebagai tambahan pada mana-mana penalti lain.
 - (ii) ia hendaklah tidak dianggap sebagai larian sama ada daripada balingan segera sebelumnya atau balingan berikutnya, dan hendaklah sebagai tambahan pada mana-mana larian dari balingan tersebut.
 - (iii) Pemukul hendaklah tidak menukar sudut hanya dengan alasan 5 larian penalti.
- (d) Apabila 5 larian penalti diberikan kepada pihak pemadang, di bawah Undang-Undang 18.5(b) (Larian batal yang disengajakan), atau di bawah butiran 10, 14 atau 16 di atas, hendaklah ditambah sebagai penalti tambahan pada jumlah larian pihak tersebut dalam kebanyakan ining yang baru diselesaikan. Jika pihak pemadang tidak menyelesaikan satu ining, 5 penalti tambahan hendaklah ditambah pada ining berikutnya.

18. Kelakuan pemain


Jika terdapat sebarang pelanggaran terhadap Semangat Permainan oleh seorang pemain yang gagal untuk mematuhi arahan seorang pengadil, atau mengkritik keputusannya dengan perkataan atau tindakan, atau menunjukkan penentangan, atau secara umum berkelakuan dengan cara yang boleh menyebabkan permainan itu mendapat nama buruk, pengadil berkenaan hendaklah melaporkan hal tersebut kepada pengadil lain dengan segera.

Pengadil hendaklah terus

- (i) memaklumkan ketua pasukan pemain mengenai kejadian itu, mengarahkannya untuk mengambil tindakan yang kedua.
- (ii) memberi amaran kepadanya mengenai seriusnya kesalahan itu, dan mengatakan kepadanya bahawa hal ini akan dilaporkan kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi.
- (iii) melaporkan kejadian tersebut secepat mungkin kepada Eksekutif pasukan pemain dan mana-mana Badan yang Mengawal yang bertanggungjawab terhadap perlawanan, yang akan mengambil tindakan yang dianggap sesuai terhadap ketua pasukan dan pemain, dan, jika perlu, pasukan berkenaan.


LAMPIRAN A

UNDANG-UNDANG 8 (WIKET)



LAMPIRAN B

Undang-Undang 7 (Lapangan tengah) dan 9 (garis baling, garis pukul dan garis had)



LAMPIRAN C

Gambar rajah ini menunjukkan yang dimaksudkan dengan :

- tiada webing di antara jari
- satu bahan yang tidak meregang di antara jari telunjuk dan ibu jari sebagai sokongan
- tidak membentuk satu uncang apabila tangan dibuka lebar



LAMPIRAN D

DEFINISI DAN PENJELASAN PERKATAAN ATAU

UNGKAPAN YANG TIDAK DI DEFINISIKAN DALAM TEKS.

Undian adalah lemparan untuk memilih ining.

Sebelum undian adalah pada bila-bila masa sebelum pengundian pada hari perlawanan dijangka bermula atau, jika perlawanan dijalankan satu hari, pada hari perlawanan tersebut berlangsung.

Sebelum pertandingan adalah pada bila-bila masa sebelum undian, tidak terhad pada hari undian dilakukan.

Semasa pertandingan adalah pada bila-bila masa selepas undian sehingga tamat perlawanan, sama ada permainan sedang berlangsung atau tidak.

Peralatan permainan ialah kayu pukul, bola, kayu pancang dan anak pancang.

Padang permainan ialah kawasan yang terkandung dalam lingkungan batas sempadan.

Medan ialah kawasan padang permainan yang disediakan khusus dalam lingkungan lapangan permainan..

Di dalam batas ialah batas pada sisi yang sama lebih dekat dengan wicket.

Di belakang berkenaan dengan kayu pancang dan garis, ialah pada sisi lebih jauh dari kayu pancang dan garis pada hujung lain lapangan. Sebaliknya, di depan ialah pada sisi lebih dekat dengan kayu pancang dan garis pada hujung lain lapangan.


Kawasan pemukul – pada setiap sudut lapangan tengah, seluruh kawasan padang permainan di belakang garis pukul pada sudut tersebut adalah kawasan pemukul.

Di depan garis wicket penyerang ialah dalam kawasan padang permainan di depan garis khayalan yang menyambungkan depan kayu pancang pada satu sudut; garisan ini dianggap dipanjangkan dalam kedua-dua arah menuju sempadan.

Di belakang wicket ialah dalam kawasan padang permainan dibelakang garis khayalan yang menyambungkan belakang kayu pancang pada satu sudut; garisan ini dianggap dipanjangkan dalam kedua-dua arah menuju sempadan.

Di belakang penjaga wicket ialah di belakang wicket di kawasan penyerang, seperti yang didefinisikan di atas, tetapi sejajar dengan kedua-dua set kayu pancang, dan lebih jauh dari kayu pancang daripada penjaga wicket.

Kawasan kanan/ kawasan kiri – lihat gambar rajah di bawah :



Pengadil – di mana perkataan ‘pengadil’ digunakan pada maksudnya yang tersendiri, ia sentiasa bermaksud ‘pengadil di sudut pembaling’, walaupun keterangan penuh ini kadang-kadang digunakan untuk penegasan atau kejelasan. Sebaliknya, ungkapan **pengadil berkenaan**, **pengadil di sudut penyerang**, **salah seorang pengadil** menunjukkan pengadil yang dikehendaki.

Pengadil sama-sama bersetuju bermaksud keputusan yang pengadil perlu buat bersama-sama atau sendiri.,

Pemadang ialah salah seorang dari mana-mana 11 orang pemain atau pemain yang lebih sedikit yang sedang berada di padang permainan yang terdiri dari pihak pemadang. Definisi ini bukan sahaja termasuk kedua-dua pembaling dan penjaga wicket tetapi juga mana-mana pengganti pemadang yang sah sebagai ganti pemain yang dicalonkan. Ini tidak termasuk mana-mana pemain yang dicalonkan yang tidak hadir daripada padang permainan dan yang tidak dibenarkan untuk kembali.

Seorang pemain yang pergi sekejap keluar sempadan dalam masa melaksanakan tugasnya sebagai pemadang yang ada dalam padang permainan begitu juga, untuk tujuan Undang-Undang 2.5 (Pemadang tidak hadir atau meninggalkan padang), dia hendaklah dianggap telah meninggalkan padang permainan.

Ayunan balingan ialah gerakan lengan pembaling ketika lazimnya dia melepaskan bola untuk melakukan balingan.

Langkah balingan ialah langkah semasa ayunan balingan dilakukan, sama ada bola dilepaskan atau tidak. Langkah ini dimulai ketika kaki belakang pembaling sampai untuk langkah balingan tersebut dan berakhir apabila kaki depan sampai dalam langkah balingan yang sama.

Bola dipukul / memukul bola melainkan didefinisikan secara khusus sebaliknya, bermaksud ‘bola dipukul dengan kayu pukul’ / ‘memukul bola dengan kayu pukul’.

Melantun terus / memukul terus dan ungkapan yang serupa bermaksud tanpa menyentuh mana-mana pemadang tetapi tidak termasuk menyentuh tanah.

Peralatan pelindung luar ialah mana-mana pakaian yang dapat dilihat yang dipakai untuk perlindungan untuk menghadapi pukulan luar.

Bagi seorang pemukul, barang-barang yang dibenarkan ialah topi keledar, pelindung kaki luar (pad pemukul), sarung tangan pemukul dan, jika kelihatan, pelindung lengan.

Bagi seorang pemandang, topi keledar sahaja yang dibenarkan, kecuali dalam hal seorang penjaga wicket, yang baginya pad penjaga wicket dan sarung tangan adalah juga dibenarkan.

Pakaian – apa sahaja yang dipakai oleh seorang pemain tersebut yang tidak dikategorikan sebagai peralatan pelindung luar, termasuk barang-barang tersebut seperti kaca mata atau barang kemas, dikategorikan sebagai pakaian, walaupun dia mungkin memakai beberapa pakaian, yang tidak dapat dilihat, untuk perlindungan. Kayu pukul yang dibawa oleh seorang pemukul tidak termasuk di dalam definisi pakaian ini.

- Kayu pukul** – berikut adalah dianggap sebagai sebahagian dari kayu pukul
- ❑ keseluruhan kayu pukul itu sendiri
 - ❑ keseluruhan sarung tangan yang dipakai pada satu tangan ataupun kedua-dua tangan yang memegang kayu pukul.
 - ❑ tangan (kedua-dua tangan) yang memegang kayu pukul, jika pemukul tidak menggunakan satu sarung tangan pada tangannya atau pada kedua-dua tangannya.

Peralatan – peralatan seorang pemukul ialah kayu pukulnya, seperti yang didefinisikan di atas, dan mana-mana peralatan pelindung luar yang dipakainya.

Peralatan seorang pemandang ialah mana-mana peralatan pelindung luar yang dipakainya.

Tubuh Badan – tubuh badan seorang pemain ialah tubuh badannya yang fizikal (manusia biasa) dan mana-mana pakaian atau peralatan pelindung luar yang sah yang dipakainya kecuali, dalam hal pemukul, kayu pukulnya.

Tangan, sama ada bersarung tangan atau tidak, yang tidak memegang kayu pukul merupakan sebahagian dari tubuh badan pemukul.

Tidak ada pakaian atau peralatan merupakan bahagian dari tubuh badan pemain kecuali jika melekat padanya.

Bagi seorang pemukul, sarung tangan yang dipegang tapi tidak dipakai merupakan sebahagian daripada tubuh badannya.

Bagi seorang pemandang, pakaian atau peralatan yang dipegang di tangan atau kedua-dua tangannya adalah bukan sebahagian daripada tubuh badannya.